




SHARIKAT PERMODALAN
KEBANGSAAN BERHAD (4115-H)

Laporan Tahunan
2013



Kandungan

| | |
|--|-----|
| Maklumat Korporat | 2 |
| Lembaga Pengarah | 3 |
| Ketua Pegawai Eksekutif | 4 |
| Statistik Kewangan Kumpulan Untuk Lima Tahun | 5 |
| Penyata Pengerusi | 6 |
| Penyata Kewangan | 11 |
| Senarai Hartanah Kumpulan | 114 |
| Notis Mesyuarat Agung Tahunan | 116 |
| Borang Proksi | |

Maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

Y.Bhg. Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B)
Pengerusi

Ir. Dr. Azman Bin Ahmad, Naib Pengerusi Eksekutif

Lt. Jen. Datuk Hj. Md Hanif Bin Hj. Darimi RMAF (B)

Abdul Rahman Bin Teh Mohamed

Ahmad @ Misron Bin Yusof

Hasnah Binti Mohd Salleh

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Saiful Aznir Bin Shahabudin

SETIAUSAHA SYARIKAT

Fateh Hanum Bte Khairuddin (LS 0009093)

JURUAUDIT

Ernst & Young
Tingkat 21, MWE Plaza
No. 8 Lebuhr Farquhar
10200 Penang

PENDAFTAR SAHAM

Shareworks Sdn Bhd
2-1, Jalan Sri Hartamas 8
Sri Hartamas
50480 Kuala Lumpur
Tel : +603 6201 1120
Faks : +603 6201 3121

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 12, Menara Perak
No. 24, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel : +603 2264 5555
Faks : +603 2264 5545



*Rumah Banglo 3 tingkat jenis Lake Garden
Villas di Presint 6 di Cahaya SPK, Shah Alam*

JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)

Pengerusi

Y.Bhg. Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B) dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad pada 11 November 1997. Beliau adalah seorang Panglima Angkatan Tentera Malaysia, sebelum bersara pada Jun 1993. Antara jawatan utama yang disandang oleh beliau di dalam Angkatan Tentera Malaysia adalah sebagai Panglima Divisyen, Pengarah Bahagian Perisikan Pertahanan, Panglima Tentera Darat dan seterusnya Panglima Angkatan Tentera. Pada masa ini, Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B) juga menganggotai beberapa lembaga syarikat awam dan syarikat sendiri berhad seperti Affin Investment Bank Berhad dan Mah Sing Group Berhad.

IR. DR. AZMAN BIN AHMAD

Naib Pengerusi Eksekutif

Ir. Dr. Azman Bin Ahmad dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 20 Jun 2002. Beliau adalah seorang Jurutera Awam berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari University of Adelaide, Australia dan Ph.D (Kejuruteraan) dari Universiti Malaya. Beliau mempunyai pengalaman selama 31 tahun di dalam industri pembinaan dan korporat. Beliau juga memegang jawatan pengarah di beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB dan beberapa syarikat sendiri berhad yang lain.

LT. JEN. DATUK HJ. MD HANIF BIN HJ. DARIMI RMAF (B)

Pengarah

Y.Bhg. Lt. Jen. Datuk Hj. Md Hanif Bin Hj. Darimi RMAF (B) dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad pada 10 Ogos 2010. Sebelum bersara dari TUDM, beliau telah memegang jawatan sebagai Panglima Operasi Udara. Antara jawatan utama yang disandang sejak berkhidmat di TUDM adalah sebagai Pegawai Pemerintah Skuadron Penerbangan VVIP, Pegawai Pemerintah TUDM Subang, Panglima Pendidikan Udara serta Panglima 1 Divisyen Udara. Pada masa ini, Lt. Jen. Datuk Hj. Md Hanif Bin Hj. Darimi RMAF (B) juga memegang jawatan pengarah di beberapa syarikat sendiri berhad yang lain.

ABDUL RAHMAN BIN TEH MOHAMED

Pengarah

Abdul Rahman Bin Teh Mohamed dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 4 Ogos 1999. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan major dalam "Analytical Economics" dari Universiti Malaya. Setelah tamat pengajian, beliau bekerja dengan United Planting Association of Malaysia sebagai Setiausaha dan bertugas dengan organisasi itu selama 23 tahun sehingga persaraannya pada tahun 1999 sebagai Ketua Eksekutif. Abdul Rahman Bin Teh Mohamed juga memegang jawatan pengarah di beberapa anak syarikat di bawah Kumpulan SPKB.

AHMAD @ MISRON BIN YUSOF

Pengarah

Ahmad @ Misron Bin Yusof dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad pada 10 Mac 2000. Beliau adalah seorang jurutera elektrik profesional dan berpengalaman lebih dari 40 tahun dalam bidang pembekalan elektrik, pengilangan dan perundingan pengurusan. Beliau telah berkhidmat selama 20 tahun dengan Lembaga Letrik Negara dalam jabatan teknikal dan pengurusan. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengarah Urusan di Federal Power dalam tahun 1993 hingga 1998. Selain dari mengendali syarikat rundingan pengurusan peribadinya, beliau kini juga memegang jawatan pengarah di sebuah syarikat tersenarai awam dan di beberapa syarikat sendiri berhad yang lain.

HASNAH BINTI MOHD SALLEH

Pengarah

Hasnah Binti Mohd Salleh dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 4 Ogos 1999. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Victoria University of Wellington, New Zealand dan Diploma Perguruan dari Secondary Teachers' College, Auckland, New Zealand. Beliau bertugas sebagai guru sekolah menengah selama 3 tahun sebelum menukar profesyen sebagai pentadbir di Universiti Malaya, di mana beliau bertugas selama 27 tahun. Pada masa ini, selain menjadi Ahli Lembaga Pengarah SPKB, beliau juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB. Beliau juga adalah seorang Ahli Bergabung Institut Perhubungan Raya Malaysia (AMIPR) dan ahli Badan Warisan Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif

SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN

Ketua Pegawai Eksekutif

Saiful Aznir Bin Shahabudin dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 12 November 2001 dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah Urusan pada 7 Februari 2002. Beliau meletak jawatan dari Lembaga Pengarah pada 10 Ogos 2010. Kini, beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPKB. Beliau berkelayakan sebagai seorang ahli American Institute of Certified Public Accountants dan adalah seorang ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari University of Chicago dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Western Michigan University, Amerika Syarikat. Beliau pernah bertugas sebagai Ketua Eksekutif Encorp Group Sdn Bhd. Beliau adalah seorang Pengarah di Bumi Armada Berhad dan juga di beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB.



Sebuah helikopter jenis EC225 dan dua helikopter jenis AW139 di Hangar Kawasan Penerbangan Am Miri, Lapangan Terbang Miri, Sarawak

Statistik Kewangan Kumpulan untuk Lima tahun

| | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 | 2011 RM'000 | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|-----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| Pendapatan | 360,884 | 450,615 | 750,233 | 544,545 | 381,659 |
| Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai | 49,229 | (33,955) | 11,546 | 64,349 | 51,570 |
| Cukai | (35,649) | (5,299) | (10,198) | (3,705) | (2,654) |
| Keuntungan/(kerugian) bagi tahun kewangan | 13,580 | (39,254) | 1,348 | 60,644 | 48,916 |
| Keuntungan/(kerugian) yang diagihkan kepada pemilik syarikat induk | 17,491 | (24,903) | 3,846 | 49,305 | 48,106 |
| Modal saham diterbitkan dan dibayar penuh | 248,336 | 82,779 | 82,779 | 82,779 | 82,779 |
| Rizab | 261,689 | 338,790 | 365,148 | 364,759 | 316,009 |
| Ekuiti diagihkan kepada pemilik syarikat induk | 510,025 | 421,569 | 447,927 | 447,538 | 398,788 |
| Kepentingan bukan kawalan | 7,594 | 14,916 | 33,862 | 37,146 | 36,161 |
| Jumlah ekuiti | 517,619 | 436,485 | 481,789 | 484,684 | 434,949 |
| Jumlah aset | 902,542 | 799,638 | 962,316 | 1,010,274 | 888,059 |
| Jumlah liabiliti | 384,923 | 363,153 | 480,527 | 525,590 | 453,110 |
| Keuntungan/(kerugian) setiap saham yang diagihkan kepada pemilik syarikat induk (sen) | 7.0 | (30.1) | 4.6 | 59.6 | 58.1 |
| Dividen kasar setiap saham (sen) | - | 3 | 5 | 3 | - |
| Aset ketara bersih setiap saham yang diagihkan kepada pemilik syarikat induk (RM) | 2.05 | 5.09 | 5.26 | 5.26 | 4.67 |
| Aset bersih setiap saham yang diagihkan kepada pemilik syarikat induk (RM) | 2.05 | 5.09 | 5.41 | 5.41 | 4.82 |


Penyata Pengerusi



Rumah Bandar 3 tingkat jenis Primer Garden Town Villas di Cahaya SPK, Shah Alam

“ Para pemegang saham yang dihormati,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan bersama dengan Penyata Kewangan Syarikat dan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. ”



Sebelum saya memberi ulasan mengenai pencapaian Kumpulan ini izinkan saya untuk menjelaskan Asas Penolakan Pendapat ("Disclaimer of Opinion") yang dinyatakan oleh juruaudit kepada Penyata Kewangan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun 2013. Ini adalah disebabkan oleh penyatuan kedudukan kewangan dan hasil cawangan anak syarikat di Abu Dhabi ("Penyata Cawangan Abu Dhabi") di mana juruaudit tidak dapat memberikan pendapat mereka. Juruaudit tidak dapat meneliti rekod dan dokumen yang diperlukan untuk membolehkan mereka mengaudit Penyata Cawangan Abu Dhabi kerana premis cawangan anak syarikat kita telah disita berikutan dengan perintah mahkamah di Abu Dhabi. Selain daripada itu, juruaudit telah memberi pendapat tanpa pengecualian untuk penyata kewangan syarikat-syarikat lain dalam Kumpulan.

ULASAN PENCAPAIAN KUMPULAN

Bagi tahun 2013 Kumpulan telah mencatatkan pendapatan berjumlah RM360.9 juta. Ini merupakan penurunan sebanyak 20% daripada RM450.6 juta yang telah dilaporkan bagi tahun sebelumnya. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah dari Bahagian Pembinaan, yang mana sebahagian besar pendapatannya berpunca dari projek-projek pembinaan telah diambil kira sebaik sahaja projek-projek tersebut siap secara berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun, Bahagian Hartanah memperoleh pendapatan yang lebih tinggi dari hasil penjualan beberapa bidang tanah pembangunan di Bandar Amanjaya, Sungai Petani dan penjualan projek pembangunan kita di Cahaya SPK, Shah Alam.

Walaupun pendapatan Kumpulan menunjukkan kemerosotan, kita masih beroleh keuntungan sebanyak RM13.6 juta selepas cukai bagi tahun dibawah kajian berbanding kerugian sebanyak RM39.3 juta selepas cukai bagi tahun sebelumnya. Sebahagian besar dari kejayaan ini berpunca dari sumbangan positif Bahagian Hartanah dan Bahagian Minyak dan Gas walaupun terjejas akibat daripada kerugian yang dialami oleh Bahagian Pembinaan.

Bahagian Hartanah telah menyumbangkan pencapaian yang kukuh terutamanya dari kejayaannya menjual beberapa bidang tanah pembangunan di Bandar Amanjaya, Sungai Petani dan hasil jualan yang lebih tinggi dari projek pembangunan hartanah di Cahaya SPK, Shah Alam. Pelancaran sulung pembangunan rumah bandar 3 tingkat di Cahaya SPK, iaitu Primer Garden Town Villas telah mendapat sambutan baik apabila hampir kesemua unit telah habis dijual dalam tempoh 3 bulan. Memandangkan sambutan yang menggalakkan ini, kami telah pun melancarkan fasa kedua Primer Garden Town Villas pada penghujung tahun 2013.



Villa jenis Gulf Heritage di Village 4, Projek Pembangunan Komuniti Al Falah di Abu Dhabi

Namun, Bahagian Pembinaan sekali lagi mencatat kerugian yang ketara pada tahun di bawah kajian. Ia berpunca dari peruntukan yang dibuat untuk hutang ragu. Hutang ragu ini terdiri daripada tuntutan yang diluluskan dan disahkan yang sepatutnya diterima daripada klien. Walau bagaimanapun kemungkinan untuk memungut atau mendapatkannya semula adalah diragui. Pihak pengurusan akan berusaha secara aktif dan berterusan untuk mendapatkan semula semua tuntutan dari klien.

Bahagian Minyak dan Gas menyumbang keuntungan yang memuaskan. Kejayaan ini berpunca dari prestasi kukuh syarikat bersekutu, iaitu Awan Inspirasi Holdings Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikatnya ("kumpulan Awan"), yang menyediakan perkhidmatan penerbangan helikopter persisir luar pantai kepada syarikat – syarikat minyak dan gas.

Pendapatan setiap saham Kumpulan bagi tahun di bawah kajian ialah 7.0 sen dan aset bersih setiap saham setakat 31 Disember 2013 ialah RM2.05.

Penyata Pengerusi (samb.)

ULASAN OPERASI

Bahagian Pembinaan

Projek-projek yang diusahakan pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

o Projek Al Falah Village 4

Kontrak yang bernilai AED950 juta ini adalah untuk membina dan menyiapkan 730 buah villa di Village 4, di bawah Projek Pembangunan Komuniti Al Falah di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu. Projek ini mula dilaksanakan pada bulan Januari 2010. Pembinaannya telah siap dan diserahkan kepada klien berserta sijil ambil alih yang dikeluarkan pada 7 Oktober 2013. Projek ini berada di bawah tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan dari tarikh penyerahan.

o Projek Agropolitan Besut Setiu

Kontrak bernilai RM60 juta ini adalah untuk membina dan menyiapkan 100 unit rumah, 5 unit kuarters kakitangan pengurusan, pelbagai kemudahan, 52 unit pengeluaran haiwan (APU), plot pemakanan haiwan dan kerja-kerja membina kemudahan-kemudahan lain termasuk infrastruktur yang berkaitan dengan Pembangunan Agropolitan Besut Setiu. Projek ini bermula pada bulan September 2010, kini pembinaannya telah selesai, hanya menunggu siapnya dokumen-dokumen penyerahan. Kami menjangkakan dokumen-dokumen berkenaan akan siap pada penghujung bulan Jun 2014.

Bahagian Minyak dan Gas

Sepanjang tahun, Bahagian ini memberikan tumpuan kepada pelaksanaan projek-projek sedia ada seperti berikut:

o Projek GUMUSUT Kakap FPS Hull

Kontrak bernilai RM50 juta ini melibatkan pelaksanaan kerja-kerja mengecat dan "blasting" bagi projek Gumusut Kakap FPS Hull. Ianya dijalankan secara usaha sama 80:20 antara entiti dikawal bersama kita iaitu Xervon Corp Sdn. Bhd. dan Mindus (M) Sdn. Bhd. Kami telah menyiapkan projek ini dan menyerahkannya kepada klien pada bulan Disember 2013.

o Perkhidmatan Penerbangan Helikopter

Semenjak penubuhannya, kumpulan Awan telah melaksanakan tugasnya dengan baik tanpa sebarang insiden. Ia telah diiktiraf sebagai satu kumpulan yang berkemampuan menyediakan perkhidmatan penerbangan helikopter di antara yang terbaik di seluruh dunia. Dalam tahun 2013, kumpulan ini mengendalikan 3 helikopter EC225, 2 daripadanya telah dibeli dari Eurokopter Malaysia Sdn. Bhd. manakala sebuah lagi disewa dari CHC Helicopters. Selain dari itu, kumpulan ini juga menyewa sebuah helikopter S76C++ dari CHC Helicopters.

Pada bulan Oktober 2013 kumpulan ini telah membeli sebuah lagi helikopter EC225 manakala sewaan helikopter S76C++ telah ditamatkan. Dengan itu kumpulan ini sekarang mengendalikan 6 buah helikopter, 3 helikopter EC225 kepunyaan sendiri dan 3 helikopter AW139 yang disewa dari CHC Helicopters. Kumpulan Awan beroperasi dari 3 pengkalan, iaitu Miri, Labuan dan Kota Kinabalu.

Bahagian Hartanah

Kami berasa gembira kerana pelancaran projek-projek hartanah kita setakat ini sentiasa mendapat sambutan yang baik. Minat yang mendalam terhadap hartanah kita adalah disebabkan oleh lokasinya yang strategik, serta terdapat pelbagai kemudahan yang dirancang dengan baik. Laluan ke lokasi juga amat mudah. Selain itu rangkaian perhubungan serta infrastruktur yang sangat baik merupakan faktor-faktor yang menjadi daya tarikan terhadap projek pembangunan kita iaitu:

o Ambangan Heights Bandar Amanjaya, Sg Petani, Kedah

Projek ini merupakan projek pembangunan perbandaran bersepadu yang mempunyai Pusat Bandar Utama merangkumi pusat pentadbiran kerajaan, pusat komersial dan pusat perniagaan bagi Bandar Amanjaya. Ambangan Heights telah melaksanakan peranannya dengan baik dan telah memperoleh keuntungan yang memuaskan. Sehingga kini, sebanyak 5,108 unit hartanah telah dilancarkan. Dari jumlah itu, sebanyak 4,705 unit telah siap dibina dan diserahkan kepada para pembeli. Sementara itu, 403 unit lagi dijangka dapat disiapkan dan diserahkan kepada pembeli pada akhir tahun 2014. Kami juga telah berjaya memuktamadkan penjualan beberapa bidang tanah pembangunan di Bandar Amanjaya yang berjumlah seluas 1,388 ekar.

o Cahaya SPK Shah Alam, Selangor

Projek ini terletak di atas tanah seluas 500 ekar di tengah-tengah kawasan semula jadi yang menghijau. Ia merupakan projek pembinaan bercampur sebanyak 3,963 unit hartanah kediaman dan hartanah komersial. Pembangunan kediaman ala resort yang dilengkapi dengan kemudahan rumah kelab ini dijangka mendatangkan hasil (GDV) bernilai RM1.72 bilion dalam jangka masa 14 tahun, iaitu menjangkau sehingga tahun 2020. Kadar kepadatan pembangunan di sini adalah rendah, iaitu purata 8 unit bagi setiap ekar. Usaha akan diambil untuk mengekalkan rupa bumi semula jadi dan menggunakan landskap semula jadi untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti luar dan memupuk gaya hidup sihat bagi penghuninya. Sehingga kini sebanyak 1,058 unit hartanah telah dilancarkan di mana sebanyak 973 unit atau 92% daripada jumlah yang dilancarkan telah dijual sehingga akhir tahun. Seperkara yang jelas, Primer Garden Town Villas, iaitu rumah bandar 3 tingkat yang direka bentuk di tengah-tengah kehijauan tropika ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Sebanyak 80% daripada 244 unit yang dilancarkan telah dijual.

Pembangunan Korporat

Dari segi korporat, Syarikat telah berjaya melaksanakan terbitan hak sebanyak 82,778,643 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat ("saham hak") pada harga terbitan RM1.00 setiap saham hak. Ini adalah atas dasar satu saham hak untuk setiap satu saham sedia ada yang dipegang ("terbitan hak"). Terbitan hak yang telah dijalankan dengan terbitan bonus 82,778,643 saham biasa baru ("saham bonus") atas dasar satu saham bonus bagi setiap saham hak yang dilangan menurut terbitan hak ("terbitan bonus") telah disempurnakan pada 26 Ogos 2013. Hasil dari terbitan hak akan digunakan sebagai modal untuk keperluan operasi, mengembangkan perniagaan dan/atau mempelbagaikan aset-aset hartanah Kumpulan sekiranya atau apabila diperlukan atau/dan untuk melunaskan pinjaman bank.

Syarikat telah melaksanakan penyahsenaraian anak syarikat pembinaan, iaitu SPK-Sentosa Corporation Berhad ("SPK-Sentosa") melalui mekanisme penyahsenaraian secara sukarela dari senarai rasmi Bursa Securities Malaysia Berhad ("Bursa") berdasarkan pada perenggan 16.06 Peraturan Senarai Papan Utama Bursa. Urusan penyahsenaraian telah selesai pada 19 April 2013.

Dalam tahun ini, Kumpulan juga telah melaksanakan penstrukturan dalaman Bahagian Minyak dan Gas yang melibatkan antara lain pemindahan kepentingan SPK-

Sentosa di dalam anak syarikat minyak dan gas terus kepada pegangan Syarikat. Tindakan ini bertujuan untuk menyepadukan operasi minyak dan gas SPK-Sentosa dengan operasi Kumpulan. Ini akan membolehkan sumber dan aset Kumpulan dimanfaatkan dan digunakan dengan lebih berkesan.

PROSPEK BAGI 2014

Kami berasa optimistik namun mengambil sikap berhati-hati terhadap prospek untuk Kumpulan menempuh tahun 2014, memandangkan suasana perniagaan di dalam bidang yang kita ceburi iaitu pembangunan hartanah, pembinaan serta perkhidmatan minyak dan gas yang semakin kompetitif dan mencabar.

Baru-baru ini kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah penyejukan yang bertujuan untuk menyekat kenaikan harga hartanah yang semakin meningkat. Antara langkah yang telah diambil ialah menaikkan cukai keuntungan penjualan hartanah dan menghapuskan skim pemaju tanggung faedah. Adalah dijangkakan pasaran hartanah akan menjadi lebih tenang sementara pasaran dapat disesuaikan dengan perubahan polisi ini. Walau bagaimanapun kami menjangkakan minat untuk membeli hartanah akan meningkat dalam setengah tahun kedua sebelum pelaksanaan cukai ke atas barangan dan jualan. Selain itu suasana kadar faedah yang akomodatif dan pasaran pekerjaan yang sihat akan merangsang minat pembeli. Kami juga menyedari hakikat bahawa kecenderungan untuk menaikkan kos adalah disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja mahir, gaji minima, penghapusan subsidi dan kos yang perlu dipatuhi seperti levi dan yuran pemprosesan baru yang dikenakan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Berdasarkan suasana yang sedemikian, Kumpulan akan mengambil sikap berhati-hati dengan melakukan pelancaran secara berperingkat-peringkat. Tumpuan akan diberikan kepada nilai kejuruteraan sebagai langkah untuk mengurangkan kos, sementara usaha terus dilakukan untuk mempertingkatkan daya saing Kumpulan dan kedudukan dalam pasaran melalui inovasi pembangunan produk dan strategi. Apabila pembinaan Damansara-Shah Alam Elevated Expressway (DASH) siap, perhubungan antara Cahaya SPK dengan bandar-bandar utama seperti Kota Damansara, Mutiara Damansara dan Mont' Kiara akan menjadi lebih mudah dan pantas. Dengan itu kami berasa yakin bahawa permintaan terhadap hartanah kita di pembangunan Cahaya SPK serta nilainya akan meningkat. Kumpulan juga akan terus berusaha mendapatkan tanah yang strategik dalam lokasi yang baik untuk projek pembangunan hartanah sebagai sebahagian dari usaha kami untuk berkembang dan mempelbagaikan bank tanah Kumpulan.

Penyata Pengerusi (samb.)

Berhubung dengan Bahagian Pembinaan, Kumpulan ini akan menumpukan usaha untuk mendapatkan semula tuntutan-tuntutan dan hutang ragu yang perlu dijelaskan oleh klien untuk projek-projek antarabangsa yang telah disiapkan. Industri pembinaan pada masa ini amat kompetitif, oleh itu memandangkan kedudukan kewangan SPK-Sentosa yang lemah, Kumpulan ini akan berhadapan dengan cabaran untuk mendapatkan kontrak pembinaan baru dan/atau pembiayaan projek agar aktiviti-aktiviti pembinaannya dapat dikekalkan. Tanpa kontrak baru untuk mengisi semula kandungan buku tempahan kita yang semakin merosot, dan dengan tujuan untuk mengurangkan perbelanjaan pengendalian, maka pada tahun lepas kami telah bertindak mengecilkkan saiz Bahagian ini.

Sektor gas dan minyak kelihatan positif, namun begitu Kumpulan ini menjangka akan menghadapi kesukaran untuk mematerai kontrak baru kerana pengalaman Bahagian minyak dan gas kita di dalam industri ini adalah terhad. Oleh yang demikian kami telah mengecilkkan saiz operasi minyak dan gas agar kos pengendalian Bahagian ini dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun, kami menjangka bahawa perkhidmatan penerbangan helikopter yang diusahakan melalui kumpulan Awan, akan memberikan sumbangan yang positif terhadap pendapatan Kumpulan. Jangkaan ini adalah berdasarkan usaha yang sedang dilakukan untuk memperluaskan sumber pendapatannya melalui kontrak baru penerbangan helikopter dan peluang-peluang di dalam perkhidmatan sokongan industri minyak dan gas.

DIVIDEN

Dengan rasa sukacita saya memaklumkan kepada pemegang saham bahawa Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen tahap tunggal yang pertama dan terakhir sebanyak 4.0 sen bagi setiap saham biasa untuk tahun berakhir 31 Disember 2013. Pemberian dividen yang dicadangkan ini adalah tertakluk kepada persetujuan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

PENGHARGAAN

Bagi pihak ahli-ahli Lembaga Pengarah, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemegang saham yang amat kami hargai, rakan niaga, pelanggan, pihak bank, sub-kontraktor, pembekal dan badan-badan kawal selia atas sokongan padu mereka kepada Kumpulan ini. Lembaga Pengarah juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengurusan dan staf di atas kegigihan, kesungguhan dan iltizam yang diberikan sepanjang tahun ini. Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Lembaga Pengarah di atas sokongan padu dan sumbangan mereka yang amat berharga.



*Rumah Banglo, 1½ tingkat jenis Elise di
Ambangan Heights, Sungai Petani*

Penyata Kewangan

| | |
|---|--------|
| Laporan Para Pengarah | 12-15 |
| Penyata Para Pengarah | 16 |
| Akuan Berkanun | 16 |
| Laporan Juruaudit | 17-19 |
| Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif | 20-21 |
| Penyata-penyata Kedudukan Kewangan | 22-23 |
| Penyata-penyata Perubahan Dalam Ekuiti | 24-25 |
| Penyata-penyata Aliran Tunai | 26-28 |
| Nota-nota Kepada Penyata Kewangan | 29-113 |

Laporan Para Pengarah

Para pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan perkhidmatan pengurusan kepada subsidiari-subsidiarinya.

Kegiatan-kegiatan utama subsidiari-subsidiari dinyatakan di Nota 16 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

KEPUTUSAN

| | Kumpulan RM'000 | Syarikat RM'000 |
|--------------------------------|--------------------|--------------------|
| Keuntungan bagi tahun kewangan | 13,580 | 13,693 |
| Pengagihan kepada: | | |
| Pemilik syarikat induk | 17,491 | 13,693 |
| Kepentingan bukan kawalan | (3,911) | - |
| | 13,580 | 13,693 |

Tiada sebarang pemindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan ini, selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa tidak dipengaruhi secara ketara oleh sebarang butiran, urusan atau peristiwa yang material dan bersifat luar biasa, selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytihar oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan yang lepas.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, para pengarah mencadangkan dividen tahap tunggal yang pertama dan terakhir untuk tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2013 sebanyak 4% ke atas 248,335,929 saham biasa, berjumlah RM9,933,437 (4 sen sesaham) untuk diluluskan oleh para pemegang saham. Dividen yang dicadangkan ini tidak diambilkira di dalam penyata kewangan bagi tahun semasa. Dividen tersebut, sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengasingan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan berikutnya yang berakhir pada 31 Disember 2014.

Laporan Para Pengarah

(samb.)

PARA PENGARAH

Nama-nama pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang terakhir dan pada tarikh laporan ini ialah:

Jen. Tan Sri Yaacob bin Mat Zain (B)
 Ir. Dr. Azman bin Ahmad
 Lt. Jen. Datuk Hj Md Hanif bin Hj Darimi RMAF (B)
 Abdul Rahman bin Teh Mohamed
 Ahmad @ Mison bin Yusof
 Hasnah binti Mohd Salleh

MANFAAT PARA PENGARAH

Pada akhir tahun kewangan atau di sepanjang tahun, tidak terdapat sebarang perjanjian yang mana Syarikat menjadi sebahagian pihak di mana para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat ganjaran yang telah dibayar atau terhutang kepada para pengarah atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa Syarikat seperti yang dinyatakan di Nota 8 dan 9 kepada penyata kewangan) melalui kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ianya seorang ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang ketara perlu dinyatakan menurut Seksyen 169(8) Akta Syarikat 1965, selain daripada yang dinyatakan di Nota 35 kepada penyata kewangan.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Berdasarkan daftar pegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam saham Syarikat dan badan-badan korporat yang berkaitan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

| Nama pengarah | Bilangan saham biasa RM1 setiap satu | | | |
|---|--------------------------------------|-------|----------|---------------------|
| | 1 Januari 2013 | Beli | Jual | 31 Disember 2013 |
| <i>Kepentingan langsung:</i> | | | | |
| <i>Saham biasa Syarikat</i> | | | | |
| Jen. Tan Sri Yaacob bin Mat Zain (B) | 1,000 | 4,000 | - | 5,000 |
| Ir. Dr. Azman bin Ahmad | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Lt. Jen. Datuk Hj Md Hanif bin Hj Darimi RMAF (B) | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Abdul Rahman bin Teh Mohamed | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Ahmad @ Mison bin Yusof | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Hasnah binti Mohd Salleh | 1,000 | - | - | 1,000 |
| <i>Saham biasa subsidiari (SPK- Sentosa Corporation Berhad)</i> | | | | |
| Ahmad @ Mison bin Yusof | 54,000 | - | (54,000) | - |
| Hasnah binti Mohd Salleh | 10,000 | - | (10,000) | - |
| <i>Saham biasa subsidiari (Sunshine Bonus Sdn. Bhd.)</i> | | | | |
| Ir. Dr. Azman bin Ahmad | 49,999 | - | - | 49,999 |

Laporan Para Pengarah

(samb.)

TERBITAN SAHAM

Pada tahun kewangan semasa, Syarikat telah:

- (a) menambahkan modal saham dibenarkan daripada RM100,000,000 kepada RM500,000,000 melalui penjanaaan 400,000,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu.
- (b) menambahkan modal saham diterbitkan dan dibayar penuh daripada RM82,778,643 kepada RM248,335,929 melalui:
 - (i) terbitan hak boleh lepas sebanyak 82,773,643 saham biasa baru bernilai RM1 setiap satu pada harga terbitan RM1 setiap saham hak berasaskan 1 saham hak bagi setiap 1 saham biasa sedia ada yang dipegang; dan
 - (ii) terbitan bonus sebanyak 82,773,643 saham biasa baru bernilai RM1 setiap satu yang dikreditkan sebagai dibayar penuh berasaskan 1 saham bonus bagi setiap 1 saham hak yang dilanggan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat.

Saham biasa baru bertaraf pari passu dengan saham biasa yang sedia ada di dalam Syarikat.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk:
 - (i) memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang memadai telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan mengikut nilai yang dinyatakan dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan biasa telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:
 - (i) jumlah yang dihapuskira sebagai hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak memadai secara ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
 - (i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Laporan Para Pengarah

(samb.)

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (samb.)

(f) Pada pendapat para pengarah:

- (i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti-liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya; dan
- (ii) tiada butiran, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin memberi kesan yang besar ke atas keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING DAN SUSULAN

Peristiwa-peristiwa penting di sepanjang tahun kewangan ini dan peristiwa-peristiwa susulan adalah seperti yang dinyatakan di Nota 40 kepada penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 24 April 2014.

JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)

LT. JEN. DATUK HJ MD HANIF BIN HJ DARIMI RMAF (B)

Penyata Para Pengarah

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat 1965

Kami, JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B) dan LT. JEN. DATUK HJ MD HANIF BIN HJ DARIMI RMAF (B), dua daripada para pengarah SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 20 sehingga 113 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan dan peruntukan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 24 April 2014.

JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)

LT. JEN. DATUK HJ MD HANIF BIN HJ DARIMI RMAF (B)

Akuan Berkanun

Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat 1965

Saya, SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 20 sehingga 113, adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan hemat mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya
oleh penama di atas SAIFUL AZNIR BIN
SHAHABUDIN di Kuala Lumpur dalam
Wilayah Persekutuan pada 24 April 2014

SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN

Di hadapan saya,

Tengku Fariddudin bin Tengku Sulaiman
Pesuruhjaya Sumpah

Laporan Juruaudit

Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai penyata kewangan

Kami telah dilantik untuk mengaudit penyata kewangan SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD ("SPKB" atau "Syarikat"), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 20 ke 113.

Tanggungjawab pengarah ke atas penyata kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan dan peruntukan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Para pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman yang ditentukan perlu oleh para pengarah untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Oleh kerana hal-hal yang diterangkan di perenggan Asas Penolakan Pendapat, namun begitu kami tidak dapat memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas untuk pendapat audit.

Asas Penolakan Pendapat ("Disclaimer of Opinion")

Seperti yang dinyatakan di Nota 16(a) kepada penyata kewangan, subsidiari Syarikat yang dipegang secara tidak langsung, Pembinaan SPK Sdn. Bhd. ("PSPK"), mempunyai cawangan dan pelaburan dalam usaha sama di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, yang melaksanakan kontrak-kontrak pembinaan. Seperti yang dinyatakan di Nota 40(f) kepada penyata kewangan, Mahkamah Abu Dhabi telah mengeluarkan perintah mahkamah untuk menahan kesemua aset dan dokumen yang terdapat dalam premis pejabat cawangan dan usaha sama di Abu Dhabi. Nota 34 kepada penyata kewangan mendedahkan dengan lebih lanjut bahawa subkontraktor-subkontraktor tertentu telah mengambil tindakan guaman terhadap cawangan dan usaha sama pada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013.

Pengarah menyediakan penyata kewangan PSPK bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013 berdasarkan dokumen yang sedia ada sebelum pengeluaran perintah mahkamah yang tersebut di atas. Termasuk dalam penyata kewangan Kumpulan yang disatukan bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013 adalah berikutnya:

Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2013

| | RM'000 |
|---|--------|
| Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang | 128 |
| Wang tunai dan baki di bank | 1,080 |
| Pinjaman | 4,507 |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang | 97,870 |
| Kerugian terkumpul | 97,808 |
| Kepentingan bukan kawalan | 3,361 |

Laporan Juruaudit

Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)
(samb.)

Laporan mengenai penyata kewangan (samb.)

Asas Penolakan Pendapat ("Disclaimer of Opinion") (samb.)

Penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

| | RM'000 |
|------------------------------|--------|
| Pendapatan | 25,358 |
| Kos kontrak pembinaan | 26,896 |
| Lain-lain pendapatan | 4,138 |
| Perbelanjaan pentadbiran | 47,769 |
| Bahagian kerugian usaha sama | 9,412 |

Kami tidak dapat memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian tentang nilai dibawa aset dan liabiliti PSPK pada 31 Disember 2013 dan pendapatan dan perbelanjaan PSPK bagi tahun yang berakhir pada 31 Disember 2013 kerana kami ditolak akses kepada rekod perakaunan dan rekod lain. Oleh yang demikian, kami tidak dapat menentukan sama ada pelarasan, jika ada, perlu dibuat ke atas jumlah-jumlah yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan yang disatukan syarikat induk dan syarikat induk muktamad PSPK, iaitu SPK-Sentosa Corporation Berhad ("SPK-Sentosa") dan SPKB masing-masing.

Penolakan Pendapat ("Disclaimer of Opinion")

Oleh kerana kepentingan perkara-perkara yang dibincangkan di perenggan Asas Penolakan Pendapat, kami tidak dapat memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013. Oleh yang demikian, kami tidak menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013.

Laporan mengenai keperluan perundangan dan berkanun lain

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Oleh kerana kepentingan perkara-perkara yang dijelaskan di perenggan Asas Penolakan Pendapat, kami tidak dapat memberi pendapat sama ada rekod perakaunan dan rekod lain yang perlu disimpan dengan sempurna oleh Syarikat, SPK-Sentosa dan PSPK telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

Walau bagaimanapun, pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain yang perlu disimpan dengan sempurna oleh subsidiari-subsidiari selain daripada SPK-Sentosa dan PSPK telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut. Pada pendapat kami, daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut, kecuali penyata kewangan SPK-Sentosa dan PSPK.
- (c) Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut, kecuali laporan juruaudit SPK-Sentosa dan PSPK.

Laporan Juruaudit

Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)
(samb.)

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain berkenaan kandungan laporan ini.

ERNST & YOUNG
AF: 0039
Akauntan-akauntan Bertauliah

MOHD SUKARNO SARDON
No. 1697/03/15(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
24 April 2014

Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

| | Nota | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| | | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 |
| Pendapatan | 4 | 360,884 | 450,615 | 43,037 | 32,332 |
| Kos kontrak: | | | | | |
| - pembinaan | | (34,021) | (324,738) | - | - |
| - teknologi | | (1,007) | (3,693) | - | - |
| Kos tanah untuk pembangunan dijual | | (69,922) | (16,465) | - | - |
| Kos pembangunan hartanah | | (106,999) | (93,057) | - | - |
| Kos inventori dijual | | (2,881) | (965) | - | - |
| Kos jualan barangan | | - | (986) | - | - |
| Kos perkhidmatan | | (915) | (438) | - | - |
| Keuntungan kasar | | 145,139 | 10,273 | 43,037 | 32,332 |
| Lain-lain pendapatan | 5 | 15,749 | 12,920 | 16,417 | 1,589 |
| Perbelanjaan pentadbiran | | (62,366) | (43,325) | (20,356) | (11,734) |
| Perbelanjaan jualan dan pemasaran | | (6,568) | (8,676) | - | - |
| Lain-lain perbelanjaan | | (44,400) | (18,334) | (25,250) | (62,617) |
| Keuntungan/(kerugian) operasi | | 47,554 | (47,142) | 13,848 | (40,430) |
| Kos kewangan | 6 | (7,506) | (5,489) | (47) | (39) |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu | | 17,539 | 11,463 | - | - |
| Bahagian (kerugian)/keuntungan usaha sama | | (8,358) | 7,213 | - | - |
| Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai | 7 | 49,229 | (33,955) | 13,801 | (40,469) |
| (Perbelanjaan)/manfaat cukai | 10 | (35,649) | (5,299) | (108) | 876 |
| Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun | | 13,580 | (39,254) | 13,693 | (39,593) |
| Diagihkan kepada: | | | | | |
| Pemilik-pemilik syarikat induk | | 17,491 | (24,903) | 13,693 | (39,593) |
| Kepentingan bukan kawalan | | (3,911) | (14,351) | - | - |
| | | 13,580 | (39,254) | 13,693 | (39,593) |

Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013
(samb.)

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|--|----------------|----------------|----------------|----------------|
| | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 |
| Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun | 13,580 | (39,254) | 13,693 | (39,593) |
| Pendapatan komprehensif lain untuk pengelasan semula ke keuntungan atau kerugian pada tempoh susulan: | | | | |
| Tukaran matawang asing | 901 | 812 | - | - |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun | 14,481 | (38,442) | 13,693 | (39,593) |
| Diagihkan kepada: | | | | |
| Pemilik-pemilik syarikat induk | 18,442 | (24,496) | 13,693 | (39,593) |
| Kepentingan bukan kawalan | (3,961) | (13,946) | - | - |
| | 14,481 | (38,442) | 13,693 | (39,593) |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2013

| | Nota | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|-------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| | | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 |
| ASET | | | | | |
| Aset tidak semasa | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 12 | 21,153 | 20,175 | 2,537 | 1,408 |
| Tanah untuk pembangunan | 13(a) | 280,662 | 258,658 | - | - |
| Hartanah pelaburan | 14 | 12,000 | 9,650 | - | - |
| Muhibah | 15 | - | - | - | - |
| Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari | 16 | - | - | 483,241 | 419,794 |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu | 17 | 69,400 | 50,157 | - | - |
| Pelaburan dalam usaha sama | 18 | 10,177 | 15,488 | 1,835 | 500 |
| Sekuriti pelaburan | 19 | 6,387 | 387 | 387 | 387 |
| Penghutang perdagangan | 21 | 2,924 | 3,053 | - | - |
| | | 402,703 | 357,568 | 488,000 | 422,089 |
| Aset semasa | | | | | |
| Tanah untuk pembangunan | 13(a) | 11,805 | - | - | - |
| Kos pembangunan hartanah | 13(b) | 93,253 | 114,469 | - | - |
| Inventori | 20 | 33,276 | 28,238 | - | - |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang | 21 | 46,746 | 113,966 | 99,761 | 24,321 |
| Lain-lain aset semasa | 22 | 77,088 | 48,244 | 170 | 162 |
| Sekuriti pelaburan | 19 | 84,533 | 16,278 | 51,655 | 16,278 |
| Cukai boleh dikembalikan | | 12,184 | 15,360 | - | 42 |
| Wang tunai dan baki di bank | 24 | 140,954 | 105,515 | 16,473 | 27,660 |
| | | 499,839 | 442,070 | 168,059 | 68,463 |
| JUMLAH ASET | | 902,542 | 799,638 | 656,059 | 490,552 |

Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2013
(samb.)

| | Nota | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| | | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 |
| EKUITI DAN LIABILITI | | | | | |
| Liabiliti semasa | | | | | |
| Peruntukan | 25 | - | - | - | - |
| Pinjaman jangka pendek | 26 | 37,021 | 68,000 | 551 | 201 |
| Pendapatan tertunda | 29 | 126 | 126 | - | - |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang | 27 | 252,309 | 241,925 | 240,483 | 236,005 |
| Lain-lain liabiliti semasa | 28 | 12,174 | 26,127 | - | - |
| Cukai kena dibayar | | 6,277 | 66 | 9 | - |
| | | 307,907 | 336,244 | 241,043 | 236,206 |
| Aset/(liabiliti) semasa bersih | | 191,932 | 105,826 | (72,984) | (167,743) |
| Liabiliti tidak semasa | | | | | |
| Pinjaman jangka panjang | 26 | 67,961 | 16,134 | 65,047 | 407 |
| Pendapatan tertunda | 29 | 513 | 639 | - | - |
| Liabiliti cukai tertunda | 30 | 4,281 | 5,549 | - | - |
| Pemiutang perdagangan | 27 | 4,261 | 4,587 | - | - |
| | | 77,016 | 26,909 | 65,047 | 407 |
| JUMLAH LIABILITI | | 384,923 | 363,153 | 306,090 | 236,613 |
| Aset bersih | | 517,619 | 436,485 | 349,969 | 253,939 |
| Ekuiti diagihkan kepada pemilik-pemilik syarikat induk | | | | | |
| Modal saham | 31 | 248,336 | 82,779 | 248,336 | 82,779 |
| Premium saham | 31 | - | 4,375 | - | 4,375 |
| Rizab-rizab lain | 32 | (11,989) | (617) | - | - |
| Keuntungan terkumpul | 33 | 273,678 | 335,032 | 101,633 | 166,785 |
| | | 510,025 | 421,569 | 349,969 | 253,939 |
| Kepentingan bukan kawalan | | 7,594 | 14,916 | - | - |
| Jumlah ekuiti | | 517,619 | 436,485 | 349,969 | 253,939 |
| JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI | | 902,542 | 799,638 | 656,059 | 490,552 |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

Penyata-Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

| | ← Pengagihan kepada pemilik-pemilik syarikat induk → | | | | | | |
|---|--|---|--|--|------------------|---|----------------------------|
| | ← Tidak boleh diagihkan → | | | Boleh diagihkan | | | |
| | Modal saham (Nota 31) RM'000 | Premium saham (Nota 31) RM'000 | Rizab-Rizab lain (Nota 32) RM'000 | Keuntungan terkumpul (Nota 33) RM'000 | Jumlah RM'000 | Kepentingan bukan kawalan RM'000 | Jumlah ekuiti RM'000 |
| Kumpulan | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2012 | 82,779 | 4,375 | (1,024) | 361,797 | 447,927 | 33,862 | 481,789 |
| Jumlah pendapatan komprehensif | - | - | 407 | (24,903) | (24,496) | (13,946) | (38,442) |
| Urusniaga dengan pemilik: | | | | | | | |
| Dividen: | | | | | | | |
| - Pemilik (Nota 11) | - | - | - | (1,862) | (1,862) | - | (1,862) |
| - Kepentingan bukan kawalan | - | - | - | - | - | (5,000) | (5,000) |
| Pada 31 Disember 2012 | 82,779 | 4,375 | (617) | 335,032 | 421,569 | 14,916 | 436,485 |
| Pada 1 Januari 2013 | 82,779 | 4,375 | (617) | 335,032 | 421,569 | 14,916 | 436,485 |
| Jumlah pendapatan komprehensif | - | - | 951 | 17,491 | 18,442 | (3,961) | 14,481 |
| Urusniaga dengan pemilik: | | | | | | | |
| Pebelian kepentingan bukan kawalan dalam subsidiari | - | - | (12,323) | - | (12,323) | (1,134) | (13,457) |
| Terbitan saham-saham hak dan bonus | 165,557 | (4,375) | - | (78,845) | 82,337 | - | 82,337 |
| Dividen: | | | | | | | |
| - Kepentingan bukan kawalan | - | - | - | - | - | (2,227) | (2,227) |
| Pada 31 Disember 2013 | 248,336 | - | (11,989) | 273,678 | 510,025 | 7,594 | 517,619 |

Penyata-Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013
(samb.)

| | Modal saham (Nota 31) RM'000 | Tidak boleh diagihkan Premium saham (Nota 31) RM'000 | Boleh diagihkan Keuntungan terkumpul (Nota 33) RM'000 | Jumlah ekuiti RM'000 |
|---|---------------------------------------|---|--|----------------------------|
| Syarikat | | | | |
| Pada 1 Januari 2012 | 82,779 | 4,375 | 208,240 | 295,394 |
| Kerugian bersih bagi tahun, mewakili jumlah pendapatan komprehensif | - | - | (39,593) | (39,593) |
| Urusniaga dengan pemilik: | | | | |
| Dividen (Nota 11) | - | - | (1,862) | (1,862) |
| Pada 31 Disember 2012 | 82,779 | 4,375 | 166,785 | 253,939 |
| Pada 1 Januari 2013 | 82,779 | 4,375 | 166,785 | 253,939 |
| Keuntungan bersih bagi tahun, mewakili jumlah pendapatan komprehensif | - | - | 13,693 | 13,693 |
| Urusniaga dengan pemilik: | | | | |
| Terbitan saham-saham hak dan bonus | 165,557 | (4,375) | (78,845) | 82,337 |
| Pada 31 Disember 2013 | 248,336 | - | 101,633 | 349,969 |

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|----------------|----------------|----------------|----------------|
| | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI | | | | |
| Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai | 49,229 | (33,955) | 13,801 | (40,469) |
| Pelarasan untuk: | | | | |
| Bahagian kerugian/(keuntungan) usaha sama | 8,358 | (7,213) | - | - |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu | (17,539) | (11,463) | - | - |
| Keuntungan yang belum direalisasikan pada tahun lepas direalisasikan | - | (3) | - | - |
| Keuntungan daripada tukaran matawang asing yang belum direalisasikan | - | (435) | - | - |
| Kerugian daripada tukaran matawang asing yang belum direalisasikan | 4,019 | - | - | - |
| Rosotnilai muhibah | - | 12,451 | - | - |
| Muhibah negatif dihapusira | - | (3,298) | - | - |
| Penepian hutang (kepada)/daripada: | | | | |
| - pihak ketiga | - | (391) | - | - |
| - subsidiari | - | - | 8 | (254) |
| Rosotnilai hutang daripada subsidiari-subsidiari | - | - | 7,931 | 5,906 |
| Rosotnilai hutang daripada usaha sama | 173 | 4,613 | - | - |
| Rosotnilai hutang daripada penghutang perdagangan | 43,021 | - | - | - |
| Rosotnilai pelaburan dalam subsidiari-subsidiari | - | - | 17,304 | 56,700 |
| Pembalikan rosotnilai lain-lain penghutang | (2,760) | - | - | - |
| Pembalikan rosotnilai hutang daripada subsidiari-subsidiari | - | - | (5,075) | - |
| Pembalikan rosotnilai pelaburan dalam subsidiari-subsidiari | - | - | (6,981) | - |
| Hutang lapuk dihapusira | 1 | 11 | - | 11 |
| Perbelanjaan faedah | 5,829 | 4,086 | 47 | 39 |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 1,710 | 1,800 | 562 | 547 |
| Pelupusan hartanah, loji dan peralatan | 73 | 11 | - | - |
| (Keuntungan)/kerugian daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan | (556) | 22 | (52) | (1) |
| Keuntungan daripada penjualan hartanah pelaburan | (3,346) | (1,021) | (3,346) | (1,021) |
| Pelarasan nilai pasaran wajar hartanah pelaburan | (2,350) | (2,070) | - | - |
| Pendapatan faedah | (1,940) | (728) | (813) | (235) |
| Pendapatan dividen | (480) | - | (40,906) | (30,000) |
| Peruntukan dipulih semula | - | (1,038) | - | - |
| Pembalikan kos diakru | (12) | (576) | - | - |
| Diskaun diuraikan | 1,677 | 1,403 | - | - |
| Tambahkan diskaun | (2,496) | (2,076) | - | - |
| Pengiktirafan pendapatan tertunda | (126) | (126) | - | - |

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013
(samb.)

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|----------------|----------------|----------------|----------------|
| | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI (samb.) | | | | |
| Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja | 82,485 | (39,996) | (17,520) | (8,777) |
| Kurangan/(tambahan) dalam kos pembangunan hartanah | 21,400 | (723) | - | - |
| Kurangan/(tambahan) dalam penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang | 25,336 | 116,414 | (104,404) | 8,144 |
| (Tambahan)/kurangan dalam lain-lain aset semasa | (27,065) | 42,444 | (8) | (53) |
| Tambahan dalam inventori | (5,038) | (14,944) | - | - |
| (Kurangan)/tambahan dalam pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang | (2,174) | (73,528) | 4,478 | 1,193 |
| (Kurangan)/tambahan dalam lain-lain liabiliti semasa | (13,953) | 3,264 | - | - |
| Bayaran untuk ganti rugi kelewatan kerja | - | (13) | - | - |
| Tunai daripada/(digunakan dalam) operasi | 80,991 | 32,918 | (117,454) | 507 |
| Cukai dibayar | (27,530) | (18,959) | (57) | (93) |
| Faedah dibayar | (7,331) | (7,450) | (47) | (39) |
| Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti operasi | 46,130 | 6,509 | (117,558) | 375 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN | | | | |
| Tambahan dalam deposit jangka pendek dengan bank berlesen lebih daripada tiga bulan | (69,686) | (105) | - | - |
| Kurangan dalam deposit yang dicagar | 7,380 | 12,148 | - | - |
| Kurangan/(tambahan) dalam wang tunai dan baki di bank yang dicagar | 5,040 | (111) | - | - |
| Tambahan dalam dana terikat dan deposit keselamatan yang boleh dikembalikan | (60) | (865) | - | - |
| Dividen bersih diterima daripada subsidiari-subsidiari | - | - | 33,906 | - |
| Dividen bersih diterima daripada usaha sama | 7,000 | 25,000 | 7,000 | 25,000 |
| Dividen bersih diterima daripada syarikat bersekutu | - | 3,500 | - | - |
| Dividen bersih diterima daripada sekuriti pelaburan | 480 | - | - | - |
| Faedah diterima | 1,991 | 823 | 813 | 235 |
| Hasil daripada penjualan tanah untuk pembangunan | 69,922 | 16,464 | - | - |
| Pembelian tanah untuk pembangunan | (103,731) | (28,851) | - | - |
| Langganan saham dalam usaha sama | (735) | (980) | (735) | - |

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013
(samb.)

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|----------------|----------------|----------------|----------------|
| | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 | 2013 RM'000 | 2012 RM'000 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN (samb.) | | | | |
| Pengambilalihan saham dalam subsidiari | - | - | - | (600) |
| Pembelian kepentingan bukan kawalan dalam subsidiari | (13,457) | - | - | - |
| Langganan saham dalam subsidiari | - | - | (48,270) | (500) |
| Pinjaman kepada usaha sama | - | (4,267) | - | - |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | (1,688) | (1,097) | (178) | (184) |
| Hasil daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan | 1,401 | 91 | 112 | 1 |
| Hasil daripada penjualan hartanah pelaburan | 3,346 | 9,584 | 3,346 | 9,584 |
| Hasil daripada tambahan kepentingan dalam syarikat bersekutu | - | 6,342 | - | - |
| Aliran tunai bersih daripada pengambilalihan subsidiari | - | (3) | - | - |
| Pembelian sekuriti pelaburan | (74,255) | (16,278) | (35,377) | (16,278) |
| Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan | (2,227) | (5,000) | - | - |
| Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/ daripada aktiviti-aktiviti pelaburan | (169,279) | 16,395 | (39,383) | 17,258 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN | | | | |
| Dividen dibayar | - | (1,862) | - | (1,862) |
| Hasil daripada terbitan saham-saham hak | 82,337 | - | 82,337 | - |
| Penerimaan pinjaman | 77,767 | 25,634 | 64,000 | - |
| Pembayaran balik pinjaman | (64,343) | (38,550) | - | - |
| Pembayaran balik liabiliti sewabeli | (1,226) | (583) | (721) | (301) |
| Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti pembiayaan | 94,535 | (15,361) | 145,616 | (2,163) |
| (KURANGAN)/TAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI | (28,614) | 7,543 | (11,325) | 15,470 |
| TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI | 61,376 | 53,833 | 27,660 | 12,190 |
| TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER (Nota 24) | 32,762 | 61,376 | 16,335 | 27,660 |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 12, Menara Perak, No. 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan perkhidmatan pengurusan kepada subsidiari-subsidiarinya. Kegiatan-kegiatan utama subsidiari-subsidiari dinyatakan di Nota 16. Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama tersebut di sepanjang tahun kewangan.

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") dan peruntukan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan di dasar-dasar perakaunan berikut.

Penyata kewangan disediakan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua nilai dibundarkan ke angka ribuan yang terhampir ("RM'000") kecuali di mana dinyatakan sebaliknya.

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Dasar-dasar perakaunan yang telah diterima pakai adalah sejajar dengan tahun kewangan lepas kecuali yang berikut:

Pada 1 Januari 2013, Kumpulan dan Syarikat menerima pakai FRS baru dan yang disemak semula berikut:

| Penerangan | Efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas |
|--|--|
| Pindaan-pindaan kepada FRS 101 Pembentangan Butiran Pendapatan Komprehensif Yang Lain | 1 Julai 2012 |
| FRS 3 Penggabungan Perniagaan (IFRS 3 Penggabungan Perniagaan yang diterbitkan oleh IASB pada Mac 2004) | 1 Januari 2013 |
| FRS 127 Penyata Kewangan Yang Disatukan dan Yang Berasingan (IAS 27 disemak semula oleh IASB pada Disember 2003) | 1 Januari 2013 |
| FRS 10 Penyata Kewangan Yang Disatukan | 1 Januari 2013 |
| FRS 11 Pengaturan Bersama | 1 Januari 2013 |
| FRS 12 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-Entiti Yang Lain | 1 Januari 2013 |
| FRS 13 Penilaian Nilai Wajar | 1 Januari 2013 |
| FRS 119 Manfaat Pekerja (IAS 19 seperti yang dipinda oleh IASB pada Jun 2011) | 1 Januari 2013 |
| FRS 127 Penyata Kewangan Yang Berasingan (IAS 27 seperti yang dipinda oleh IASB pada Mei 2011) | 1 Januari 2013 |

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)

| Penerangan | Efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas |
|--|---|
| FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (IAS 28 seperti yang dipinda oleh IASB pada Mei 2011) | 1 Januari 2013 |
| IC Interpretasi 20 Kos Penanggalan dalam Peringkat Pengeluaran Lombong Permukaan | 1 Januari 2013 |
| Pindaan-Pindaan kepada FRS 7 Pendedahan – Pengimbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan | 1 Januari 2013 |
| Perbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011 | 1 Januari 2013 |
| Pindaan-Pindaan kepada FRS 1 Pinjaman Kerajaan | 1 Januari 2013 |
| Pindaan-Pindaan kepada FRS 10, FRS 11 dan FRS 12 Penyata Kewangan Yang Disatukan, Pengaturan Bersama dan Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-Entiti Yang Lain: Panduan Peralihan | 1 Januari 2013 |

Penggunaan piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi yang dinyatakan di atas tidak mempunyai kesan ke atas prestasi dan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat kecuali yang dinyatakan di bawah:

FRS 10 Penyata Kewangan yang Disatukan

FRS 10 menggantikan sebahagian daripada FRS 127 Penyata Kewangan yang Disatukan dan yang Berasingan yang membincangkan penyata kewangan yang disatukan dan IC Interpretasi 112 Penyatuan - Entiti Tujuan Khas.

Di bawah FRS 10, pelabur mengawal pelaburan apabila (a) pelabur mempunyai kuasa ke atas pelaburan, (b) pelabur mempunyai pendedahan, atau hak, kepada pulangan berubah-ubah daripada penglibatannya dalam pelaburan, dan (c) pelabur mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur. Di bawah FRS 127 Penyata Kewangan yang Disatukan dan yang Berasingan, kawalan adalah didefinisikan sebagai kuasa untuk mengawal dasar-dasar kewangan dan operasi sesuatu entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

FRS 10 termasuk panduan yang terperinci untuk menjelaskan bila pelabur yang memiliki kurang daripada 50% saham mengundi dalam pelaburan mempunyai kawalan ke atas pelaburan. FRS 10 memerlukan pelabur mengambilkira kesemua faktor dan keadaan yang berkaitan.

Piawaian ini tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas kedudukan kewangan atau prestasi Kumpulan dan Syarikat.

FRS 11 Pengaturan Bersama

FRS 11 menggantikan FRS 131 Kepentingan dalam Usaha Sama dan IC Interpretasi 113 Usaha Sama - Penyumbangan Tidak Bersifat Kewangan oleh Usahawan.

Klasifikasi pengaturan bersama di bawah FRS 11 ditentukan berdasarkan kepada hak dan kewajipan pihak-pihak pengaturan bersama dengan mempertimbangkan struktur, tatacara menurut undang-undang, terma kontraktual yang disetujui oleh pihak-pihak pengaturan dan di mana berkenaan, faktor dan keadaan yang lain. Di bawah FRS 11, pengaturan bersama diklasifikasi sebagai operasi bersama atau usaha sama.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)

FRS 11 Pengaturan Bersama (samb.)

Operasi bersama adalah pengaturan bersama di mana pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama mempunyai hak kepada aset-aset, dan kewajiban kepada liabiliti-liabiliti, berkaitan dengan pengaturan bersama. Usaha sama adalah pengaturan bersama di mana pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama mempunyai hak kepada aset bersih pengaturan bersama.

FRS 11 menyingkirkan pilihan untuk mengambilkira usaha sama dengan menggunakan penyatuan bersekadar. Sebaliknya, usaha sama yang memenuhi definisi usaha sama mesti diambilkira dengan menggunakan kaedah ekuiti.

FRS 12 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-Entiti yang Lain

FRS 12 termasuk semua keperluan pendedahan bagi kepentingan dalam subsidiari pengaturan bersama, syarikat bersekutu dan entiti berstruktur. Sebilangan pendedahan baru diperlukan.

Piawaian ini hanya mempunyai kesan ke atas pendedahan sahaja dan tidak mempunyai kesan ke atas prestasi dan kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan.

FRS 13 Penilaian Nilai Wajar

FRS 13 mewujudkan sumber panduan tunggal di bawah FRS untuk semua penilaian nilai wajar. FRS 13 tidak berubah apabila sesuatu entiti dikehendaki menggunakan nilai wajar, tetapi memberi panduan bagaimana nilai wajar dinilai di bawah FRS.

FRS 13 mentakrifkan nilai wajar sebagai harga keluar. Akibat daripada panduan di bawah FRS 13, Kumpulan menaksir semula polisi-polisi untuk menilai nilai wajar, terutamanya, input penilaian seperti risiko ketidaksihinggaan bagi penilaian nilai wajar liabiliti. FRS 13 juga memerlukan pendedahan tambahan.

Penggunaan FRS 13 tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas penilaian nilai wajar Kumpulan. Pendedahan tambahan, di mana perlu, dinyatakan di nota individu yang berkaitan dengan aset dan liabiliti di mana nilai wajar ditentukan.

Pindaan-pindaan kepada FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan (Perbaikan FRSs (2012))

Pindaan-pindaan kepada FRS 101 memperkenalkan pengelompokan butiran yang dibentangkan dalam pendapatan komprehensif yang lain. Butiran yang boleh diklasifikasi semula (atau digunakan semula) ke keuntungan atau kerugian pada suatu masa hadapan (contohnya, kerugian atau keuntungan bersih dari aset kewangan yang sedia dijual) akan dibentang secara berasingan daripada butiran yang tidak akan diklasifikasikan (contohnya, penilaian semula hartanah dan bangunan). Pindaan-pindaan mempunyai kesan ke atas pembentangan sahaja dan tidak mempunyai kesan ke atas prestasi dan kedudukan kewangan Kumpulan.

FRS 127 Penyata Kewangan yang Berasingan

FRS 127 adalah terhad kepada perakaunan untuk subsidiari, usaha sama dan syarikat bersekutu dalam penyata kewangan yang berasingan disebabkan oleh FRS 10 dan FRS 12 yang baru.

Piawaian ini tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas kedudukan kewangan atau prestasi Kumpulan dan Syarikat.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)

FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama

FRS 128 dinamakan semula sebagai FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama disebabkan oleh FRS 11 dan FRS 12 yang baru. Piawaian baru ini menerangkan penggunaan kaedah ekuiti untuk pelaburan dalam usaha sama dan juga syarikat bersekutu.

Piawaian ini tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas kedudukan kewangan atau prestasi Kumpulan dan Syarikat.

2.3 Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS")

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") menerbitkan rangka kerja perakaunan MASB baru yang diluluskan, Rangka Kerja MFRS.

Rangka Kerja MFRS akan diterima pakai oleh semua Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian Berhad untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, kecuali entiti yang berada dalam skop MFRS 141 Pertanian dan IC Interpretasi 15 Perjanjian untuk Pembinaan Harta Tanah, termasuk syarikat induk, pelabur dan pengusaha utama.

Kumpulan perlu menyediakan penyata kewangan yang menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam penyata kewangan MFRS yang pertama bagi tahun berakhir 31 Disember 2015. Apabila menyediakan penyata kewangan MFRS yang pertama, Kumpulan perlu menyelaras penyata kewangan perbandingan kepada jumlah yang menggambarkan penggunaan Rangka Kerja MFRS. Sebahagian besar pelarasan yang diperlukan pada peralihan akan dibuat, secara retrospektif, ke atas permulaan keuntungan terkumpul.

Kumpulan telah menubuhkan satu kumpulan kerja untuk merancang dan mengurus penggunaan Rangka Kerja MFRS.

Kumpulan dan Syarikat belum menyiapkan penaksiran kesan kewangan perbezaan di antara Piawaian Pelaporan Kewangan dan dasar-dasar perakaunan di bawah Rangka Kerja MFRS. Oleh itu, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mungkin berbeza jika disediakan di bawah Rangka Kerja MFRS.

Kumpulan menganggap ia telah mencapai matlamat yang dijadualkan dan menjangka akan mencapai kedudukan menurut keperluan Rangka Kerja MFRS dengan sepenuhnya bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

2.4 Piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi yang telah dikeluarkan tetapi belum efektif

Piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi yang telah dikeluarkan tetapi belum efektif sehingga tarikh penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat diterbitkan adalah dinyatakan di bawah. Kumpulan dan Syarikat merancang untuk menerima pakai piawaian-piawaian tersebut, di mana berkenaan, apabila mereka menjadi efektif.

| Penerangan | Efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas |
|---|---|
| Pindaan-pindaan kepada FRS 132 Pengimbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan | 1 Januari 2014 |
| Pindaan-pindaan kepada FRS 10, FRS 12 dan FRS 127 Entiti-Entiti Pelaburan | 1 Januari 2014 |
| Pindaan-pindaan kepada FRS 136 Pendedahan Jumlah Yang Boleh Dipulih untuk Aset Bukan Kewangan | 1 Januari 2014 |

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.4 Piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi yang telah dikeluarkan tetapi belum efektif (samb.)

| Penerangan | Efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas |
|--|--|
| Pindaan-pindaan kepada FRS 139 Novasi Derivatif dan Penerusan Perakaunan Lindung Nilai | 1 Januari 2014 |
| IC Interpretasi 21 Levi | 1 Januari 2014 |
| Pindaan-pindaan kepada FRS 119 Pelan Manfaat Dikenalpasti: Sumbangan Pekerja | 1 Julai 2014 |
| Perbaikan Tahunan kepada Kitaran FRS 2010-2012 | 1 Julai 2014 |
| Perbaikan Tahunan kepada Kitaran FRS 2011-2013 | 1 Julai 2014 |
| FRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 yang diterbitkan oleh IASB pada November 2009) | Yang Akan Diumumkan |
| FRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 yang diterbitkan oleh IASB pada Oktober 2010) | Yang Akan Diumumkan |
| FRS 9 Instrumen Kewangan: Perakaunan Lindung Nilai dan pindaan-pindaan kepada FRS 9, FRS 7 dan FRS 139 | Yang Akan Diumumkan |

Para pengarah menjangka penggunaan piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi di atas tidak akan mempunyai kesan yang penting ke atas penyata kewangan dalam tempoh penggunaan permulaan kecuali yang dinyatakan di bawah:

FRS 9 Instrumen Kewangan

FRS 9 menggambarkan fasa pertama kerja untuk menggantikan FRS 139 dan digunakan bagi klasifikasi dan penilaian aset kewangan dan liabiliti kewangan seperti yang didefinisikan di FRS 139. Pada mulanya, piawaian tersebut efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013, tetapi Pindaan-pindaan kepada FRS 9 Tarikh Efektif Mandatori FRS 9 dan Pendedahan Peralihan, yang diterbitkan pada Mac 2012, mengalihkan tarikh efektif mandatori kepada 1 Januari 2015. Selanjutnya, pada 14 Februari 2014, ia diumumkan bahawa tarikh efektif baru akan ditentukan apabila projek hampir diselesaikan. Penggunaan fasa pertama FRS 9 akan mempunyai kesan kepada klasifikasi dan penilaian aset kewangan Kumpulan, tetapi tidak mempunyai kesan ke atas klasifikasi dan penilaian liabiliti kewangan Kumpulan. Kumpulan akan menyatakan kesan bersama dengan fasa-fasa yang lain, apabila dasar terakhir termasuk kesemua fasa-fasa diterbitkan.

Pindaan-pindaan kepada FRS 139 Novasi Derivatif dan Penerusan Perakaunan Lindung Nilai

Pindaan-pindaan tersebut memberi pelepasan dari menghentikan perakaunan lindung nilai apabila novasi derivatif ditentukan sebagai instrumen lindung nilai yang memenuhi kriteria tertentu. Kumpulan tiada novasi derivatif dalam tempoh semasa. Walaubagaimanapun, pindaan-pindaan tersebut akan dipertimbangkan untuk novasi masa hadapan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.4 Piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi yang telah dikeluarkan tetapi belum efektif (samb.)

Pindaan-pindaan kepada FRS 136 Pendedahan jumlah yang boleh dipulih untuk Aset Bukan Kewangan

Pindaan-pindaan ini menyingkirkan akibat yang tidak dirancang oleh FRS 13 terhadap pendedahan yang diperlukan di bawah FRS 136. Di samping itu, pindaan-pindaan ini memerlukan pendedahan jumlah yang boleh dipulih bagi aset atau unit janaan tunai yang mana kerugian rosotnilai telah diiktiraf atau dibalikkan dalam tempoh tersebut. Pindaan ini berkuatkuasa secara retrospektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014 dengan penggunaan awal yang dibenarkan.

2.5 Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Kumpulan dan subsidiari-subsidiarinya pada 31 Disember 2013. Kawalan dicapai apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak, kepada pulangan berubah-ubah daripada penglibatannya dalam pelaburan dan mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur.

Khususnya Kumpulan mengawal pelaburan, jika dan hanya jika Kumpulan mempunyai:

- kuasa ke atas pelaburan (iaitu hak yang ada yang memberi keupayaan semasa untuk mengarah aktiviti pelaburan yang berkaitan);
- pendedahan, atau hak, kepada pulangan berubah-ubah daripada penglibatannya dalam pelaburan; dan
- keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur.

Apabila Kumpulan mempunyai hak mengundi atau hak yang serupa yang kurang daripada majoriti, Kumpulan mengambilkira kesemua faktor dan keadaan yang berkaitan untuk menilai sama ada ia mempunyai kuasa ke atas pelaburan, termasuk:

- pengaturan berkontrak dengan pemegang undi pelaburan yang lain;
- hak yang timbul daripada pengaturan berkontrak yang lain; dan
- hak mengundi dan hak mengundi potensi Kumpulan.

Kumpulan menilai semula sama ada ia mengawal pelaburan jika faktor dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih unsur-unsur kawalan. Penyatuan subsidiari bermula apabila Kumpulan mendapat kawalan ke atas subsidiari dan berhenti apabila Kumpulan hilang kawalan subsidiari. Aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan pada tahun semasa dimasukkan dalam penyata pendapatan komprehensif dari tarikh Kumpulan mendapat kawalan sehingga tarikh Kumpulan berhenti mengawal subsidiari.

Keuntungan atau kerugian dan setiap komponen pendapatan komprehensif yang lain diagihkan kepada pemilik-pemilik syarikat induk dan kepentingan bukan kawalan, walaupun ini mengakibatkan baki defisit dalam kepentingan bukan kawalan. Apabila perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan subsidiari-subsidiari untuk memastikan dasar-dasar perakaunan mereka adalah selaras dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan. Kesemua aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai antara kumpulan yang berkenaan dengan urusniaga di antara ahli-ahli Kumpulan dihapuskan dengan sepenuhnya dalam penyatuan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.5 Asas penyatuan (samb.)

Perubahan dalam kepentingan pemilikan subsidiari, tanpa kehilangan kawalan, dinyatakan sebagai urusniaga ekuiti. Jika Kumpulan hilang kawalan ke atas subsidiari, ia:

- tidak mengiktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti subsidiari;
- tidak mengiktiraf nilai dibawa kepentingan bukan kawalan;
- tidak mengiktiraf perbezaan tukaran terkumpul yang dinyatakan dalam ekuiti;
- mengiktiraf nilai wajar balasan yang diterima;
- mengiktiraf nilai wajar sebarang pelaburan yang dikekalkan;
- mengiktiraf sebarang lebihan atau kurangan keuntungan atau kerugian; dan
- mengelas semula bahagian syarikat induk komponen-komponen yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif yang lain kepada keuntungan atau kerugian atau keuntungan terkumpul, sebagaimana yang sesuai, yang akan dikehendaki jika Kumpulan telah menjual aset atau liabiliti yang berkaitan secara langsung.

2.6 Penggabungan perniagaan dan muhibah

Penggabungan perniagaan diambilkira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan dinilai sebagai agregat balasan yang dipindahkan yang dinilai pada nilai wajar pada tarikh pengambilalihan dan jumlah sebarang kepentingan bukan kawalan dalam penjual. Kumpulan memilih untuk setiap penggabungan perniagaan, sama ada kepentingan bukan kawalan dalam penjual dinilai pada nilai wajar atau pada bahagian bersekadar aset bersih penjual yang dikenalpasti. Kos berkaitan dengan pengambilalihan diperbelanjakan dan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran.

Apabila Kumpulan mengambilalih suatu perniagaan, ia menaksirkan aset dan liabiliti kewangan yang diambilalih untuk klasifikasi dan gelaran yang sesuai menurut syarat-syarat kontraktual, keadaan ekonomi dan keadaan yang berkaitan pada tarikh pengambilalihan. Ini termasuk pengasingan derivatif terbenam dalam kontrak hos oleh penjual.

Jika penggabungan perniagaan dicapai melalui beberapa peringkat, sebarang kepentingan ekuiti yang dipegang sebelum ini dinilai semula pada nilai wajar pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Ia kemudiannya diambilkira dalam menentukan muhibah.

Sebarang balasan luarjangka yang dipindahkan oleh pembeli akan diiktiraf pada nilai wajar pada tarikh pengambilalihan. Balasan luarjangka yang diklasifikasi sebagai aset atau liabiliti yang adalah instrumen kewangan dan dalam skop FRS 39 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian, dinilai pada nilai wajar dengan perubahan dalam nilai wajar diiktiraf sama ada dalam keuntungan atau kerugian atau sebagai perubahan dalam pendapatan komprehensif yang lain. Jika balasan luarjangka tidak dalam skop FRS 39, ia dinilai menurut FRS yang sesuai. Balasan luarjangka yang diklasifikasi sebagai ekuiti tidak dinilai semula dan penyelesaian kemudiannya diambilkira dalam ekuiti.

Muhibah dinyatakan pada kos pada mulanya. Berikutan pengiktirafan permulaan, muhibah dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul.

Bagi tujuan penyemakan rosotnilai, muhibah yang diambilalih, diperuntukkan dari tarikh pengambilalihan kepada setiap unit janaan tunai ("UJT") Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi penggabungan.

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.6 Penggabungan perniagaan dan muhibah (samb.)

UJT di mana muhibah diperuntukkan diperiksa untuk rosotnilai setiap tahun dan apabila terdapat petunjuk yang UJT mungkin mengalami kerugian rosotnilai, dengan membandingkan nilai dibawa UJT, termasuk muhibah yang diperuntukkan, dengan nilai yang boleh dipulih UJT. Di mana nilai yang boleh dipulih UJT kurang daripada nilai dibawa, kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Kerugian rosotnilai diiktiraf untuk muhibah tidak dibalikkan bagi tempoh-tempoh seterusnya.

Di mana muhibah merupakan sebahagian daripada UJT dan sebahagian daripada operasi di mana UJT dilupuskan, muhibah berkaitan dengan operasi yang dilupuskan dimasukkan dalam nilai dibawa operasi apabila keuntungan atau kerugian daripada pelupusan operasi ditentukan. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan begitu dinyatakan berdasarkan nilai wajar relatif operasi yang dilupuskan dan bahagian UJT yang dikekalkan.

2.7 Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk menyertai dalam keputusan polisi kewangan dan operasi penerima pelaburan, tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama ke atas polisi-polisi tersebut.

Usaha sama adalah satu jenis pengaturan bersama di mana pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama pengaturan mempunyai hak ke atas aset bersih usaha sama. Kawalan bersama adalah perkongsian kawalan pengaturan melalui perjanjian berkontrak, yang wujud hanya apabila keputusan tentang aktiviti-aktiviti yang berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Pertimbangan untuk menentukan pengaruh penting atau kawalan bersama adalah serupa dengan yang perlu dipertimbangkan untuk menentukan kawalan ke atas subsidiari-subsidiari.

Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama diambilkira dengan menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf pada mulanya pada kos. Nilai dibawa pelaburan diselaraskan untuk mengiktiraf perubahan dalam bahagian Kumpulan dalam aset bersih syarikat bersekutu atau usaha sama sejak tarikh pengambilalihan. Muhibah berkaitan dengan syarikat bersekutu atau usaha sama dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan dan tidak dilunaskan atau diperiksa secara individu untuk rosotnilai.

Penyata keuntungan atau kerugian menggambarkan bahagian Kumpulan dalam keputusan operasi syarikat bersekutu atau usaha sama. Sebarang perubahan dalam pendapatan komprehensif yang lain penerima pelaburan tersebut adalah dibentangkan sebagai sebahagian daripada pendapatan komprehensif yang lain Kumpulan. Tambahan, apabila terdapat suatu perubahan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan mengiktiraf bahagiannya dalam sebarang perubahan, apabila berkaitan, dalam penyata perubahan dalam ekuiti. Keuntungan dan kerugian yang timbul daripada urusi niaga di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usaha sama dihapuskan setakat kepentingan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama.

Agregat bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu atau usaha sama dibentangkan dalam penyata keuntungan atau kerugian di luar keuntungan operasi dan mewakili keuntungan atau kerugian selepas cukai dan kepentingan bukan kawalan dalam subsidiari-subsidiari syarikat bersekutu atau usaha sama.

Penyata kewangan syarikat bersekutu atau usaha sama disediakan untuk tempoh laporan yang sama dengan Kumpulan. Apabila perlu, pelarasan dibuat untuk memastikan dasar perakaunan adalah selaras dengan Kumpulan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.7 Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama (samb.)

Selepas penggunaan kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan sama ada kerugian rosotnilai dalam pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama perlu diiktiraf. Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan menentukan sama ada terdapat bukti objektif pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama telah merosotnilai. Jika terdapat bukti tersebut, Kumpulan mengira jumlah rosotnilai sebagai perbezaan di antara jumlah boleh dipulih dari syarikat bersekutu atau usaha sama dan nilai dibawanya, kemudian mengiktiraf kerugian sebagai "bahagian keuntungan syarikat bersekutu atau usaha sama" dalam penyata keuntungan atau kerugian.

Kumpulan menilai dan mengiktiraf sebarang pelaburan yang dikekalkan pada nilai wajar apabila pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu atau usaha sama ditamatkan. Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa syarikat bersekutu atau usaha sama apabila pengaruh penting hilang dan nilai wajar pelaburan yang dikekalkan dan hasil daripada penjualan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

2.8 Urusniaga dengan kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan mewakili ekuiti dalam subsidiari yang tidak diagihkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada pemilik Syarikat, dan dibentang secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif dan di dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, berasingan daripada ekuiti yang diagihkan kepada pemilik Syarikat.

Perubahan dalam pemilikan kepentingan Syarikat dalam subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan dinyatakan sebagai urusniaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, nilai dibawa kepentingan kawalan dan bukan kawalan diselaraskan untuk menunjukkan perubahan dalam kepentingan relatif dalam subsidiari. Sebarang perbezaan di antara jumlah di mana kepentingan bukan kawalan diselaraskan dan nilai wajar balasan yang dibayar atau diterima diiktiraf terus dalam ekuiti dan diagihkan kepada pemilik syarikat induk.

2.9 Klasifikasi semasa berbanding dengan tidak semasa

Kumpulan membentangkan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan klasifikasi semasa/tidak semasa. Aset diklasifikasikan sebagai semasa apabila ia:

- dijangka akan direalisasikan atau bertujuan untuk dijual atau digunakan dalam kitaran operasi biasa;
- dipegang terutamanya untuk tujuan perniagaan;
- dijangka akan direalisasikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh laporan; atau
- tunai atau tunai setara melainkan yang dilarang daripada ditukarkan atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti untuk sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh laporan.

Kesemua aset yang lain diklasifikasikan sebagai tidak semasa. Liabiliti diklasifikasikan sebagai semasa apabila ia:

- dijangka akan diselesaikan dalam kitaran operasi biasa;
- dipegang terutamanya untuk tujuan perniagaan;
- dijangka akan diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh laporan; atau
- tiada hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh laporan.

Kumpulan mengelas kesemua liabiliti yang lain sebagai tidak semasa.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diklasifikasikan sebagai aset dan liabiliti tidak semasa.

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.10 Penilaian nilai wajar

Kumpulan menilai instrumen kewangan, seperti derivatif, dan aset bukan kewangan seperti hartanah pelaburan, pada nilai wajar pada setiap tarikh laporan.

Nilai wajar adalah harga yang akan diterima untuk aset yang dijual atau yang akan dibayar untuk liabiliti yang dipindahkan dalam suatu urusan yang teratur di antara peserta-peserta pasaran pada tarikh penilaian. Penilaian nilai wajar adalah berdasarkan anggapan bahawa urusan untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku:

- dalam pasaran utama untuk aset atau liabiliti; atau
- di mana tiada pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah untuk aset atau liabiliti.

Pasaran utama atau yang paling berfaedah mesti boleh diakses oleh Kumpulan.

Nilai wajar aset atau liabiliti dinilai dengan menggunakan andaian-andaian yang akan digunakan oleh peserta-peserta pasaran untuk menentukan harga aset atau liabiliti, dengan andaian peserta-peserta pasaran bertindak demi kepentingan ekonomi terbaik mereka.

Penilaian nilai wajar aset bukan kewangan mengambilkira keupayaan peserta pasaran untuk menjanakan manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan yang tertinggi dan terbaik atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran yang lain yang akan menggunakan aset itu dalam kegunaan yang tertinggi dan terbaik. Kumpulan menggunakan teknik-teknik penilaian yang sesuai dalam keadaan tertentu dan mempunyai butiran yang mencukupi untuk menilai nilai wajar, memaksimumkan kegunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan kegunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Kesemua aset dan liabiliti di mana nilai wajarnya dinilai atau didedahkan dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai wajar, yang diuraikan seperti berikut, berdasarkan input tahap yang terendah yang penting kepada penilaian nilai wajar secara keseluruhan:

- Tahap 1 – harga pasaran tersiarharga (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang sama
- Tahap 2 – teknik-teknik penilaian untuk input tahap yang terendah yang penting kepada penilaian nilai wajar boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung
- Tahap 3 – teknik-teknik penilaian untuk input tahap yang terendah yang penting kepada penilaian nilai wajar tidak boleh diperhatikan

Kumpulan menentukan, untuk aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangan secara berulang, sama ada pemindahan telah berlaku di antara tahap dalam hierarki dengan menaksir semula pengkategorian (berdasarkan input tahap yang terendah yang penting kepada penilaian nilai wajar secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh laporan.

Kumpulan menentukan kelas aset dan liabiliti berdasarkan sifat, ciri-ciri dan risiko aset dan liabiliti dan tahap dalam hierarki nilai wajar seperti yang dinyatakan di atas.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.11 Pengimbangan instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbang dan jumlah bersih dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan jika hak yang boleh dikuatkuasakan dari sisi undang-undang wujud untuk mengimbangi jumlah yang diiktiraf dan terdapat niat untuk menyelesaikan pada asas bersih, untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti pada masa yang sama.

2.12 Rosotnilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan dan Syarikat menaksir sama ada terdapat petunjuk yang sesuatu aset mungkin mengalami kerugian rosotnilai. Jika terdapat sebarang petunjuk begitu, atau apabila taksiran rosotnilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah yang boleh dipulih dari aset tersebut.

Jumlah yang boleh dipulih dari aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai wajar ditolak kos jualan dan nilai dalam kegunaan. Untuk menaksir kerugian rosotnilai, aset-aset dikumpulkan pada aras yang terendah di mana terdapat aliran tunai yang dapat dikenalpasti secara berasingan, unit janaan tunai ("UJT").

Untuk menaksir nilai dalam kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan perlu didiskaunkan kepada nilai kini dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko tertentu kepada aset tersebut. Apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah yang boleh dipulih, aset tersebut akan dihapuskan kepada jumlah yang boleh dipulih. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi UJT atau kumpulan UJT diperuntukkan dengan mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukkan kepada UJT atau kumpulan UJT dulu, dan kemudiannya dengan mengurangkan nilai dibawa aset-aset yang lain dalam unit atau kumpulan unit pada dasar pro-rata.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali untuk aset yang dahulunya dinilai semula di mana penilaian semula diambil ke pendapatan komprehensif yang lain. Jika begitu, rosotnilai juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain sehingga jumlah sebarang penilaian dahulu.

Penaksiran dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf mungkin tidak wujud lagi atau mungkin telah berkurangan. Sesuatu kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf akan dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh dipulih bagi aset sejak kerugian rosotnilai yang terakhir diiktiraf. Jika begitu, nilai dibawa aset akan bertambah kepada jumlah boleh dipulih. Nilai tambahan tersebut tidak boleh melebihi nilai dibawa yang akan ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi aset tersebut sebelumnya. Pembalikan kerugian rosotnilai tersebut diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada jumlah dinilai semula, di mana pembalikan tersebut dibuat melalui tambahan dalam penilaian semula. Kerugian rosotnilai muhibah tidak dibalikkan bagi tempoh seterusnya.

2.13 Hartanah, loji dan peralatan

Pada mulanya, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos. Kos hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos aset dapat dinilai dengan pasti.

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.13 Hartanah, loji dan peralatan (samb.)

Berikutan pengiktirafan seterusnya, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Apabila bahagian hartanah, loji dan peralatan yang penting perlu digantikan pada jarak waktu, Kumpulan mengiktiraf bahagian tersebut sebagai aset individu dengan hayat kegunaan dan susutnilai yang tertentu masing-masing. Demikian, apabila pemeriksaan utama dilaksanakan, kos diiktiraf dalam nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan sebagai penggantian jika ia memenuhi kriteria pengiktirafan. Kesemua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila dibelanjakan.

Tanah pegangan kekal yang tiada had hayat kegunaannya tidak disusutnilai. Susutnilai diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaan aset seperti berikut:

| | |
|---|-----------|
| Bangunan | 2% |
| Kenderaan bermotor | 20% |
| Perabot, kelengkapan dan ubahsuaian pejabat | 10% |
| Peralatan pejabat dan komputer | 10% - 33% |
| Mesin-mesin | 12% |

Nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan dikaji semula untuk rosotnilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh dipulih.

Nilai sisa, hayat kegunaan dan kaedah susutnilai dikaji semula pada akhir setiap tahun kewangan, dan diselaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Pengiktirafan sesuatu hartanah, loji dan peralatan dibalikkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangka akan berhasil daripada penggunaan atau pelupusan aset tersebut. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada aset tidak diiktiraf dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun aset tersebut tidak diiktiraf.

2.14 Hartanah pelaburan

Pada mulanya, hartanah pelaburan dinyatakan pada kos, termasuk kos urusniaga. Berikutan pengiktirafan permulaan, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai wajar yang menggambarkan keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai wajar ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran urusniaga untuk hartanah yang sama dan ditentukan oleh penilai berdaftar bebas yang mempunyai kelayakan profesional yang sesuai atau yang diakui dan mempunyai pengalaman terkini di dalam lokasi dan kategori hartanah yang dinilai. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai wajar hartanah pelaburan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian dalam tahun ianya berlaku.

Kepentingan hartanah di bawah pajakan operasi diklasifikasi dan dinyatakan sebagai hartanah pelaburan berdasarkan hartanah ke hartanah apabila Kumpulan memegangnya untuk memperolehi pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai modal atau kedua-duanya. Sebarang hartanah di bawah pajakan operasi tersebut yang diklasifikasi sebagai hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai wajar.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.14 Hartanah pelaburan (samb.)

Hartanah pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila ianya dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada penamatan penggunaan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian dalam tahun ianya berlaku.

Pindahan daripada atau kepada hartanah pelaburan dibuat hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos anggapan untuk perakaunan kemudiannya adalah nilai wajar pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada hartanah pelaburan, hartanah dinyatakan mengikut dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan di Nota 2.13 sehingga tarikh perubahan dalam kegunaan.

2.15 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Syarikat menjadi salah satu pihak kepada syarat-syarat perjanjian instrumen kewangan.

Apabila aset kewangan diiktiraf pada mulanya, ia dinyatakan pada nilai wajar, ditambah, dalam kes aset kewangan bukan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian, kos urusniaga langsung.

Kumpulan dan Syarikat menentukan klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan permulaan, dan kategori-kategori termasuk aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan penghutang, pelaburan dipegang sehingga matang dan aset kewangan yang sedia untuk dijual.

(a) Aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan diklasifikasi sebagai aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian jika ia dipegang untuk perniagaan atau ditetapkan seperti itu pada pengiktirafan permulaan. Aset kewangan dipegang untuk perniagaan adalah derivatif (termasuk derivatif terbenam yang berasingan) atau aset kewangan yang diambilalih terutamanya untuk tujuan jualan dalam masa yang singkat.

Berikutan pengiktirafan permulaan, aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian dinyatakan pada nilai wajar. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai wajar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan bersih atau kerugian bersih daripada aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian tidak termasuk perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen daripada aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada lain-lain kerugian atau lain-lain pendapatan.

Aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian boleh dibentang sebagai semasa atau tidak semasa. Aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan perniagaan dibentang sebagai semasa manakala aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan perniagaan dibentang sebagai semasa atau tidak semasa berdasarkan tarikh penyelesaian.

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.15 Aset Kewangan (samb.)

(b) Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan yang mempunyai bayaran tetap atau boleh dikenalpasti yang tidak tersiarharga dalam pasaran aktif diklasifikasi sebagai pinjaman dan penghutang.

Berikutan pengiktirafan permulaan, pinjaman dan penghutang dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pinjaman dan penghutang tidak diiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan penghutang diklasifikasi sebagai semasa, kecuali pinjaman dan penghutang yang mempunyai tarikh matang melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan diklasifikasi sebagai tidak semasa.

(c) Pelaburan dipegang sehingga matang

Aset kewangan yang mempunyai bayaran tetap atau boleh dikenalpasti dan kematangan yang tetap diklasifikasi sebagai dipegang sehingga matang apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai tujuan dan kemampuan yang positif untuk memegang pelaburan sehingga matang.

Berikutan pengiktirafan permulaan, pelaburan dipegang sehingga matang dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pelaburan dipegang sehingga matang tidak diiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan dipegang sehingga matang diklasifikasi sebagai tidak semasa, kecuali yang mempunyai tarikh matang dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan diklasifikasi sebagai semasa.

Kumpulan dan Syarikat tidak menetapkan sebarang aset kewangan sebagai pelaburan dipegang sehingga matang.

(d) Aset kewangan yang sedia untuk dijual

Aset kewangan yang sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang diklasifikasi sebagai sedia untuk dijual atau yang tidak diklasifikasi dalam sebarang daripada tiga kategori yang dinyatakan sebelumnya.

Selepas pengiktirafan permulaan, aset kewangan yang sedia untuk dijual dinyatakan pada nilai wajar. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai wajar aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain, kecuali kerugian rosotnilai, keuntungan dan kerugian daripada pertukaran matawang asing ke atas instrumen kewangan dan faedah dikira dengan menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian sebagai pelarasan klasifikasi semula apabila aset kewangan tidak diiktiraf. Pendapatan faedah dikira dengan menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Dividen ke atas instrumen ekuiti yang sedia untuk dijual diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak Kumpulan dan Syarikat untuk menerima bayaran telah dipastikan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai wajarnya tidak dapat dinilai dengan munasabah dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.15 Aset Kewangan (samb.)

(d) Aset kewangan yang sedia untuk dijual (samb.)

Aset kewangan yang sedia untuk dijual diklasifikasi sebagai aset tidak semasa, kecuali jika ia dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat. Apabila aset kewangan tidak diiktiraf pada keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah balasan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Pembelian atau penjualan secara biasa merupakan pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang pada akhirnya telah ditetapkan oleh peraturan atau adat biasa dalam pasaran berkenaan. Kesemua pembelian atau penjualan secara biasa aset kewangan diiktiraf atau tidak diiktiraf pada tarikh perniagaan iaitu tarikh Kumpulan dan Syarikat memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.16 Rosotnilai aset kewangan

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan dan Syarikat menaksir sama ada terdapat bukti objektif yang sesuatu aset kewangan mengalami kerugian rosotnilai.

(a) Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dan lain-lain aset kewangan yang dibawa pada kos dilunaskan

Kumpulan dan Syarikat menganggap faktor seperti kemungkinan menjadi muflis atau tekanan kewangan yang ketara yang dihadapi oleh para penghutang dan kemungkiran atau kelewatan bayaran yang ketara untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif yang rosotnilai aset kewangan telah berlaku. Bagi sesetengah kategori aset kewangan, seperti penghutang perdagangan, aset yang telah ditaksir tidak dirosotnilai secara individu akan ditaksir kemudiannya untuk rosotnilai pada dasar bersama berasaskan sifat risiko yang sama. Bukti objektif rosotnilai untuk portfolio penghutang boleh termasuk pengalaman lepas Kumpulan dan Syarikat dalam pemungutan bayaran, tambahan dalam bilangan kelewatan bayaran dalam portfolio yang melebihi tempoh kredit purata dan perubahan yang dapat dilihat dalam keadaan ekonomi nasional atau tempatan yang menghubungkan dengan kemungkiran bayaran oleh penghutang.

Jika sebarang bukti tersebut wujud, jumlah kerugian rosotnilai dinyatakan sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset kewangan yang asal. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Nilai dibawa aset kewangan dikurangkan dengan kerugian rosotnilai secara langsung untuk kesemua aset kewangan kecuali untuk penghutang perdagangan, di mana nilai dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan tidak boleh dikutip, ianya dihapuskan ke akaun peruntukan.

Jika dalam tempoh selepasnya, jumlah kerugian rosotnilai berkurangan dan kekurangan tersebut boleh dihubungkan secara objektif kepada sesuatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan rosotnilai, kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf dibalikkan sehingga nilai dibawa tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh pembalikan. Jumlah pembalikan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.16 Rosotnilai aset kewangan (samb.)

(b) Sekuriti ekuiti tidak tersiarharga yang dibawa pada kos

Jika terdapat bukti objektif (seperti perubahan buruk yang ketara dalam keadaan perniagaan di mana pengeluar beroperasi, kemungkinan menjadi muflis atau tekanan kewangan yang ketara yang dihadapi oleh pengeluar) yang kerugian rosotnilai aset kewangan yang dibawa pada kos telah berlaku, jumlah kerugian dinilai sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa untuk aset kewangan yang sama. Kerugian rosotnilai tersebut tidak dibalikkan dalam tempoh selepasnya.

2.17 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai mengandungi tunai di bank dan di tangan, tuntutan deposit dan deposit jangka pendek dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang.

Bagi tujuan penyata-penyata aliran tunai yang disatukan, tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan deposit jangka pendek seperti yang dinyatakan di atas, selepas ditolak overdraf bank yang belum dijelaskan.

2.18 Tanah untuk pembangunan dan kos pembangunan hartanah

(a) Tanah untuk pembangunan

Tanah untuk pembangunan terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti pembangunan dilaksanakan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan siap dalam tempoh kitaran kebiasaan operasi. Tanah tersebut diklasifikasi sebagai aset tidak semasa dan dinyatakan pada kos tolak kerugian rosotnilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan diklasifikasi semula ke kos pembangunan hartanah apabila aktiviti pembangunan telah dilaksanakan dan dijangka akan siap dalam tempoh kitaran kebiasaan operasi.

(b) Kos pembangunan hartanah

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau kos yang boleh diagihkan berdasarkan asas yang munasabah kepada aktiviti-aktiviti pembangunan tersebut.

Apabila hasil pencapaian aktiviti pembangunan dapat dianggarkan, pendapatan dan kos pembangunan hartanah akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan tahap penyiapan aktiviti pembangunan. Tahap penyiapan ditentukan berdasarkan nisbah kos pembangunan hartanah yang dibelanjakan kepada jumlah anggaran kos untuk menyudahkan pembangunan hartanah tersebut.

Apabila hasil pencapaian aktiviti pembangunan tidak dapat dianggarkan, pendapatan pembangunan hartanah yang diiktiraf adalah terhad kepada anggaran kos pembangunan hartanah yang dapat dipulihkan. Kos pembangunan hartanah yang telah dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya dibelanjakan.

Sebarang kerugian yang dijangkakan bagi projek pembangunan, termasuk kos yang akan dibelanjakan dalam tempoh tanggungan ketidaksempurnaan, akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan akan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai bersih boleh direalisasikan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.18 Tanah untuk pembangunan dan kos pembangunan hartanah (samb.)

(b) Kos pembangunan hartanah (samb.)

Sekiranya pendapatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian melebihi tuntutan kepada pembeli, jumlah itu diklasifikasi sebagai akruan tuntutan di dalam lain-lain aset semasa dan jikalau tuntutan kepada pembeli melebihi pendapatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, jumlah itu diklasifikasi sebagai tuntutan kemajuan di dalam lain-lain liabiliti semasa.

2.19 Kontrak pembinaan dan teknologi

Apabila hasil pencapaian sesuatu kontrak dapat dijangka, pendapatan kontrak dan kos kontrak diiktiraf sebagai pendapatan dan perbelanjaan berdasarkan tahap penyiapan aktiviti kontrak. Tahap penyiapan ditentukan berdasarkan nisbah kos kontrak yang dibelanjakan kepada jumlah anggaran kos untuk menyiapkan kontrak tersebut.

Apabila hasil pencapaian sesuatu kontrak tidak dapat dianggarkan dengan pasti, pendapatan kontrak yang diiktiraf adalah terhad kepada anggaran kos kontrak yang dapat dipulihkan. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya dibelanjakan.

Jikalau jumlah kos kontrak dijangka melebihi jumlah pendapatan kontrak, kerugian yang dijangkakan tersebut akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Pendapatan kontrak merangkumi jumlah pendapatan permulaan yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif sehingga terdapat kemungkinan mereka akan menghasilkan pendapatan dan mereka dapat dinilai dengan pasti.

Baki ditunjukkan sebagai jumlah hutang daripada pelanggan kontrak apabila kos yang dibelanjakan atas kontrak ditambah keuntungan diiktiraf (ditolak kerugian diiktiraf) melebihi tuntutan kemajuan kerja. Baki ditunjukkan sebagai jumlah hutang kepada pelanggan kontrak apabila tuntutan kemajuan kerja melebihi kos yang dibelanjakan ditambah keuntungan diiktiraf (ditolak kerugian diiktiraf).

2.20 Inventori

(a) Hartanah untuk penjualan semula

Hartanah untuk penjualan semula dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih. Kos hartanah yang masih belum dijual termasuk kos tanah, pembinaan dan perbelanjaan pembangunan yang sewajarnya. Nilai boleh direalisasi bersih mewakili anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa ditolak anggaran kos untuk penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk jualan.

(b) Bahan-bahan mentah

Inventori dinyatakan pada nilai terendah di antara kos (ditentukan pada asas masuk dulu, keluar dulu) dan nilai bersih boleh direalisasi.

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.21 Pajakan

(a) Sebagai pemajak

Pajakan kewangan, yang memindahkan sebahagian besar daripada kesemua risiko dan manfaat Kumpulan yang berkaitan dengan pemilikan aset yang dipajak, dimodalkan pada permulaan pajakan itu pada nilai wajar aset yang dipajak, atau, jika lebih rendah, pada nilai kini bayaran pajakan minima. Sebarang kos permulaan langsung juga ditambah kepada jumlah yang dimodalkan. Bayaran pajakan dibahagikan di antara caj kewangan dan pengurangan dalam liabiliti pajakan untuk mendapat kadar faedah yang sejajar daripada baki liabiliti yang masih ada. Caj kewangan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sewa luarjangka, jika ada, akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia berlaku.

Aset yang dipajak disusutnilai sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut. Walaubagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan mendapat pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset ini akan disusutnilai sepanjang anggaran hayat kegunaan dan tempoh pajakan yang mana lebih pendek.

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian pada dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Manfaat agregat insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan daripada perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan pada dasar garis lurus.

(b) Sebagai pemberi pajak

Pajakan di mana Kumpulan mempertahankan sebahagian besar daripada kesemua risiko dan manfaat daripada pemilikan aset adalah diklasifikasi sebagai pajakan operasi. Kos permulaan langsung yang berlaku dalam perbincangan pajakan operasi ditambah kepada nilai dibawa aset yang dipajak dan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan atas dasar yang sama seperti pendapatan sewa. Dasar perakaunan untuk pendapatan sewa dinyatakan di Nota 2.27(e).

2.22 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai tanggungan semasa (sah atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lampau dan terdapat kemungkinan aliran keluar sumber ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tanggungan tersebut.

Peruntukan akan ditaksir semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang munasabah. Sekiranya tiada kemungkinan aliran keluar sumber ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan, peruntukan dibalikkan. Sekiranya kesan nilai kini wang adalah penting, jumlah peruntukan akan didiskaunkan dengan menggunakan kadar semasa sebelum cukai yang menggambarkan, sekiranya sesuai, risiko tertentu terhadap liabiliti tersebut. Apabila kaedah diskaun digunakan, penambahan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

2.23 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasi menurut isi kandungan penyusunan kontraktual yang telah dimasukkan dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak terhadap instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai liabiliti kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian atau liabiliti kewangan yang lain.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.23 Liabiliti kewangan (samb.)

(a) Liabiliti kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian

Liabiliti kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian termasuk liabiliti kewangan yang dipegang untuk perniagaan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada permulaan pengiktirafan sebagai pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan yang dipegang untuk perniagaan termasuk derivatif yang telah dimasukkan oleh Kumpulan dan Syarikat yang tidak memenuhi kriteria pelindung nilai perakaunan. Pada mulanya, liabiliti derivatif dinyatakan pada nilai wajar dan selepasnya diiktiraf pada nilai wajar, dengan sebarang hasil keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian bersih daripada derivatif termasuk perbezaan tukaran.

Kumpulan dan Syarikat tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan sebagai nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian.

(b) Liabiliti kewangan yang lain

Liabiliti kewangan yang lain Kumpulan dan Syarikat termasuk pemiutang perdagangan, lain-lain pemiutang dan pinjaman.

Pada mulanya, pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang diiktiraf pada nilai wajar ditambah kos urusniaga yang berkaitan secara langsung dan selepasnya dinilai pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Pada mulanya, pinjaman diiktiraf pada nilai wajar, ditolak kos urusniaga bersih yang berlaku, dan selepasnya dinilai pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti semasa kecuali Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan.

Untuk liabiliti kewangan yang lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti telah tidak diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti telah dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan yang ada digantikan oleh yang lain dari peminjam yang sama pada syarat yang sebahagian besarnya berbeza, atau syarat liabiliti yang ada diubah secara ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dikenalpasti sebagai penarikbalikan liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru dan perbezaan dari segi nilai dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

2.24 Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan penerbit membuat bayaran tertentu untuk membayar balik kerugian yang berlaku kepada pemegang kerana penghutang tertentu gagal membuat bayaran apabila perlu dibayar.

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.24 Kontrak jaminan kewangan (samb.)

Pada mulanya, kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti pada nilai wajar, ditolak kos urusniaga. Selepas pengiktirafan permulaan, jaminan kewangan kontrak diiktiraf sebagai pendapatan dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh jaminan. Jika penghutang gagal membuat bayaran berkaitan dengan kontrak jaminan kewangan apabila perlu dibayar dan Kumpulan, sebagai penerbit, perlu membayar balik kerugian yang berkaitan kepada pemegang, liabiliti dinilai pada anggaran yang paling baik perbelanjaan yang perlu untuk menyelesaikan kewajipan kini pada tarikh laporan dan jumlah yang diiktiraf pada mulanya ditolak pelunasan terkumpul, yang mana lebih.

2.25 Kos pinjaman

Kos pinjaman merangkumi faedah dan kos yang lain yang Kumpulan dan Syarikat menanggung berkaitan dengan dana pinjaman.

Kos pinjaman dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset yang layak jika kos pinjaman tersebut berkaitan secara langsung dengan pembelian, pembinaan atau pengeluaran aset tersebut. Permodalan kos pinjaman bermula apabila aktiviti untuk menyediakan aset untuk diguna atau dijual sedang berjalan dan perbelanjaan dan kos pinjaman telah ditanggung. Kos pinjaman dipermodalkan sehingga aset itu sedia atau hampir sedia untuk diguna atau dijual.

Semua kos pinjaman yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh penglibatan.

2.26 Manfaat pekerja

(a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek yang terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberi oleh pekerja akan menambahkan hak mereka untuk menerima pampasan ketidakhadiran pada masa hadapan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek yang tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Pelan sumbangan dikenalpasti

Pelan sumbangan dikenalpasti adalah pelan manfaat lepas pekerjaan di mana Kumpulan membayar sumbangan ke dalam entiti-entiti atau dana-dana yang berasingan dan tidak mempunyai kewajipan sah untuk membayar sumbangan yang selanjutnya jika satu daripada dana-dana yang terlibat tidak memiliki aset yang mencukupi untuk membayar kesemua manfaat pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Sumbangan tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam keuntungan atau kerugian bila ia dikenakan. Menurut peruntukan undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membayar sumbangan tersebut kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(c) Manfaat penamatan

Manfaat penamatan kena dibayar apabila pekerjaan ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila pekerja menerima pemberhentian sukarela sebagai pertukaran untuk manfaat tersebut. Kumpulan mengiktiraf manfaat penamatan sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila ia menamatkan pekerjaan pekerja semasa menurut pelan terperinci tanpa kemungkinan penarikan balik, atau memberi manfaat penamatan hasil daripada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan penamatan secara sukarela. Dalam kes tawaran yang dibuat untuk menggalakkan penamatan secara sukarela, manfaat penamatan berdasarkan nombor pekerja yang dijangka akan menerima tawaran itu. Manfaat yang perlu dibayar selepas dua belas bulan daripada tarikh laporan didiskaunkan kepada nilai kini.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.27 Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan urusanniaga akan berpindah kepada Kumpulan dan pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti. Pendapatan dinilai pada nilai wajar balasan yang diterima atau akan diterima.

(a) **Jualan hartanah**

Pendapatan daripada jualan hartanah dikira dengan kaedah tahap penyiapan aktiviti pembangunan seperti yang dinyatakan di Nota 2.18.

(b) **Kontrak pembinaan dan teknologi**

Pendapatan daripada kontrak dikira dengan kaedah tahap penyiapan aktiviti kontrak seperti yang dinyatakan di Nota 2.19.

(c) **Pendapatan perkhidmatan**

Pendapatan perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan telah dilaksanakan.

(d) **Jualan barangan**

Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila pemindahan risiko dan manfaat yang ketara telah disempurnakan. Pendapatan tidak diiktiraf apabila terdapat ketidakpastian yang ketara tentang pemuliharaan balasan yang patut dibayar, kos-kos berkaitan atau kemungkinan pemulangan barangan.

(e) **Pendapatan sewa**

Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(f) **Pendapatan faedah**

Pendapatan faedah diiktiraf pada asas akrual dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

(g) **Pendapatan dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah dipastikan.

(h) **Yuran pengurusan**

Yuran pengurusan diiktiraf apabila perkhidmatan telah dilaksanakan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.28 Pihak berkaitan

Definisi pihak berkaitan adalah seperti berikut:

- (a) seseorang atau ahli keluarganya yang terdekat mempunyai kaitan dengan Syarikat sekiranya ia:
 - (i) mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas Syarikat;
 - (ii) mempunyai pengaruh penting ke atas Syarikat; atau
 - (iii) merupakan ahli kakitangan penting pengurusan Syarikat.
- (b) sesebuah entiti mempunyai kaitan dengan Syarikat sekiranya memenuhi mana-mana syarat berikut:
 - (i) sekiranya entiti tersebut dan Syarikat merupakan ahli Kumpulan (bermakna setiap syarikat induk, subsidiari dan rakan subsidiari mempunyai kaitan antara satu sama lain);
 - (ii) sebuah entiti adalah syarikat bersekutu atau usaha sama bagi sebuah entiti yang lain (atau syarikat bersekutu atau usaha sama dalam Kumpulan yang mana entiti lain itu merupakan ahli);
 - (iii) kedua-dua entiti adalah usaha sama bagi pihak ketiga yang sama;
 - (iv) sebuah entiti adalah usaha sama bagi sebuah entiti ketiga dan sebuah entiti lain adalah syarikat bersekutu bagi entiti ketiga tersebut;
 - (v) entiti tersebut merupakan pelan manfaat lepas pekerjaan untuk manfaat kakitangan sama ada untuk Syarikat atau entiti yang mempunyai kaitan dengan Syarikat;
 - (vi) entiti tersebut dikawal atau dikawal bersama oleh seseorang yang dikenalpasti di (a); atau
 - (vii) seseorang yang dikenalpasti di (a) (i) mempunyai pengaruh penting ke atas entiti tersebut atau merupakan ahli kakitangan penting pengurusan entiti tersebut (atau syarikat induk entiti tersebut).

2.29 Cukai pendapatan

(a) Cukai semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa dinilai pada jumlah yang dijangka akan dikutip daripada atau dibayar kepada pihak cukai yang berkuasa. Kadar cukai dan perundangan cukai yang digunakan untuk mengira jumlah yang timbul adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali setakat mana cukai itu berkaitan dengan butiran yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian, sama ada dalam pendapatan komprehensif yang lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.29 Cukai pendapatan (samb.)

(b) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh laporan di antara dasar cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara, kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan permulaan bagi muhibah atau aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan dari penggabungan perniagaan dan, pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian yang boleh dicukai; dan
- mengenai perbezaan sementara yang boleh dicukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari-subsiadri, syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama, di mana pengatur masa pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ada kemungkinan perbezaan sementara tidak akan dibalikkan pada masa depan yang dapat diramalkan.

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai, kredit cukai belum diguna dan kerugian cukai belum diguna yang dibawa ke hadapan, sehingga di mana ada kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai sedia ada untuk menggunakan perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai, kredit cukai belum diguna dan kerugian cukai belum diguna kecuali:

- di mana aset cukai tertunda yang berkaitan dengan perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai timbul daripada pengiktirafan permulaan bagi aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan dari penggabungan perniagaan dan, pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian yang boleh dicukai; dan
- mengenai perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari-subsiadri, syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya sehingga ada kemungkinan perbezaan sementara akan dibalikkan dalam masa depan yang dapat diramalkan dan keuntungan yang boleh dicukai sedia ada untuk menggunakan perbezaan sementara.

Nilai dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada tarikh laporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai yang mencukupi akan sedia ada untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf ditaksir semula pada tarikh laporan dan diiktiraf sehingga ada kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai pada masa depan membolehkan aset cukai tertunda digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dinilai pada kadar cukai yang dijangka akan dipakai dalam tahun aset itu direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan perundangan cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh laporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan butiran yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian. Butiran cukai tertunda diiktiraf secara hubungkait kepada urusanniaga yang mendasari sama ada dalam pendapatan komprehensif yang lain atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada penggabungan perniagaan adalah diselaraskan terhadap muhibah daripada pengambilalihan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda adalah diimbangi, jika hak yang boleh dikuatkuasakan dari sisi undang-undang wujud untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkaitan dengan entiti yang boleh dicukai yang sama dan penguatkuasa cukai yang sama.

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.30 Matawang asing

(a) Matawang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan individu setiap entiti di dalam Kumpulan dinyatakan dengan menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("matawang fungsian"). Penyata kewangan yang disatukan adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan matawang fungsian Syarikat.

(b) Urusniaga matawang asing

Urusniaga matawang asing dinilai dalam matawang fungsian Syarikat dan subsidiari-subsidiari masing-masing dan direkodkan pada pengiktirafan permulaan dalam matawang fungsian pada kadar pertukaran yang menghampiri kadar semasa pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti bersifat kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh laporan. Aset dan liabiliti tidak bersifat kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing yang dinilai pada kos sejarah ditukarkan dengan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh ianya mula diurusniagikan. Butiran tidak bersifat kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing yang dinilai pada nilai wajar ditukarkan dengan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai wajarnya ditentukan.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penyelesaian butiran bersifat kewangan atau pada pertukaran butiran bersifat kewangan pada tarikh laporan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali untuk perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran bersifat kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing, yang diiktiraf pada mulanya dalam pendapatan komprehensif yang lain dan terkumpul di bawah rizab pertukaran matawang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran matawang asing diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian Kumpulan semasa pelupusan operasi asing.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penterjemahan butiran tidak bersifat kewangan yang dinyatakan pada nilai wajar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh yang berkenaan kecuali untuk perbezaan yang timbul daripada penterjemahan butiran tidak bersifat kewangan di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti. Perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran tidak bersifat kewangan tersebut juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

(c) Operasi asing

Aset dan liabiliti operasi asing ditukar kepada RM pada kadar semasa pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan ditukar pada kadar pertukaran purata pada tarikh urusniaga. Perbezaan tukaran yang timbul daripada urusniaga dimasukkan secara langsung ke pendapatan komprehensif yang lain. Semasa pelupusan operasi asing, jumlah terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain dan terkumpul dalam ekuiti di bawah rizab pertukaran matawang asing yang berkaitan dengan operasi asing tersebut diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Muhibah dan pelarasan nilai wajar yang timbul daripada pengambilalihan operasi asing dikenalpasti sebagai aset dan liabiliti operasi asing dan direkodkan dalam matawang fungsian operasi asing dan ditukarkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.31 Modal saham

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan sisa faedah dalam aset Kumpulan dan Syarikat selepas menolak kesemua liabilitinya. Saham-saham biasa adalah instrumen ekuiti.

Saham biasa dinyatakan pada hasil yang diterima, ditolak peningkatan kos urusniaga yang berkaitan secara langsung. Saham biasa diklasifikasi sebagai ekuiti. Dividen daripada saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh ianya diisytiharkan.

2.32 Kontingensi

Liabiliti atau aset luarjangka adalah kewajipan atau aset yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau di mana kewujudan hanya akan disahkan melalui sesuatu peristiwa masa hadapan yang tidak tentu akan berlaku atau tidak berlaku dan tidak kesemuanya dalam kawalan Kumpulan dan Syarikat.

Liabiliti dan aset luarjangka tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat.

3. ANGGARAN PERAKAUNAN DAN PERTIMBANGAN PENTING

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti yang dilapor, dan pendedahan tentang liabiliti luarjangka pada tarikh laporan. Walaubagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian tersebut boleh menyebabkan keputusan yang memerlukan pelarasan yang ketara kepada nilai dibawa aset dan liabiliti yang terjejas pada masa depan.

3.1 Pertimbangan yang dibuat dalam penggunaan dasar-dasar perakaunan

Dalam proses menerima pakai dasar-dasar perakaunan Kumpulan, pihak pengurusan tidak membuat pertimbangan kritikal yang melibatkan anggaran, yang mempunyai kesan yang paling ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

3.2 Sumber-sumber penting daripada ketidakpastian anggaran

Andaian penting yang berhubung dengan masa hadapan dan sumber-sumber penting daripada ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh laporan, yang mempunyai risiko penting yang akan menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam tahun kewangan yang akan datang dinyatakan di bawah:

(a) Rosotnilai pelaburan

Pelaburan dikaji untuk rosotnilai setiap tahun dan pada masa yang lain apabila terdapat petunjuk yang wujud. Ia memerlukan anggaran nilai dalam kegunaan bagi unit janaan tunai di mana pelaburan telah diperuntukkan.

Informasi bagi input penting yang tidak boleh diperhatikan yang digunakan untuk penilaian nilai wajar Tahap 3

Jadual berikut menunjukkan informasi tentang penilaian nilai wajar yang menggunakan input penting yang tidak boleh diperhatikan (Tahap 3):

| Keterangan | Nilai wajar pada 31.12.2013 RM'000 | Teknik penilaian | Input penting yang tidak boleh diperhatikan | Kepekaan input terhadap nilai wajar |
|--------------------|--|------------------------|---|---|
| Hartanah pelaburan | 12,000 | Kaedah pembandingan | Perbezaan dari segi lokasi, saiz, penambahbaikan, kemudahan, elemen masa dan faktor- faktor relevan lain | Setiap penambahan/ (pengurangan) sebanyak 1% akan menyebabkan penambahan/ (pengurangan) nilai wajar sebanyak RM120,000 |

Pergerakan dalam aset Tahap 3 yang dinilai pada nilai wajar

Jadual berikut menunjukkan penyesuaian bagi semua aset yang dinilai pada nilai wajar berdasarkan input yang tidak boleh diperhatikan (Tahap 3):

| | Hartanah pelaburan RM'000 |
|-----------------------|---------------------------------|
| Pada 1 Januari 2013 | 9,650 |
| Pelarasan nilai wajar | 2,350 |
| Pada 31 Disember 2013 | 12,000 |

Tiada pemindahan amaun dari Tahap 1 dan 2 ke Tahap 3 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

37. NILAI WAJAR ASET DAN LIABILITI (samb.)

- (b) Nilai wajar aset dan liabiliti kewangan berdasarkan kelas yang tidak dibawa pada nilai wajar dan di mana nilai dibawa bukan penganggaran nilai wajar yang munasabah

| Nota | 2013 | | 2012 | |
|----------------------------|------------------------|-----------------------|------------------------|-----------------------|
| | Nilai dibawa RM'000 | Nilai wajar RM'000 | Nilai dibawa RM'000 | Nilai wajar RM'000 |
| Kumpulan | | | | |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Liabiliti sewabeli | 36(d) 1,944 | 1,943 | 1,247 | 1,262 |
| Syarikat | | | | |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Liabiliti sewabeli | 36(d) 1,460 | 1,459 | 608 | 614 |

Liabiliti sewabeli

Nilai wajar liabiliti sewabeli dianggar berdasarkan aliran tunai yang dijangka pada masa depan yang didiskaunkan pada kadar pinjaman pasaran bertambah untuk penyusunan pajakan yang sama pada tarikh laporan.

- (c) **Penentuan nilai wajar**

Aset dan liabiliti kewangan yang tidak dibawa pada nilai wajar dan di mana nilai dibawa adalah penganggaran nilai wajar yang munasabah

Berikutnya adalah kelas aset dan liabiliti kewangan yang tidak dibawa pada nilai wajar dan di mana nilai dibawa adalah penganggaran nilai wajar yang munasabah:

| | Nota |
|--|------|
| Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang (semasa) | 21 |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang (semasa) | 27 |
| Pinjaman jangka pendek (semasa) | 26 |

Nilai dibawa aset dan liabiliti kewangan tersebut adalah penganggaran nilai wajar yang munasabah, oleh kerana bersifat jangka pendek atau mereka adalah instrumen kadar berapung yang dinilai semula pada kadar faedah pasaran pada atau menghampiri tarikh laporan.

Nilai dibawa bahagian semasa pinjaman adalah penganggaran nilai wajar yang munasabah oleh kerana kesan daripada aliran tunai terdiskaun tidak ketara.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan bertujuan untuk memastikan bahawa sumber kewangan yang mencukupi tersedia untuk pembangunan perniagaan Kumpulan sambil menguruskan risiko kredit, risiko kecairan, risiko kadar faedah dan risiko matawang asing. Lembaga Pengarah mengkaji dan bersetuju polisi bagi menguruskan setiap risiko tersebut dan ianya diringkaskan di bawah. Sepanjang tahun kewangan di bawah kajian, ia adalah polisi Kumpulan bahawa tiada perdagangan dalam instrumen kewangan derivatif akan dilaksanakan.

(a) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul daripada instrumen kewangan yang belum diselesaikan jikalau pihak berkenaan memungkirinya. Pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kredit terutamanya timbul daripada penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang. Kumpulan mengurangkan risiko kredit untuk aset kewangan yang lain seperti wang tunai dan baki di bank, dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak yang mempunyai pengadaran kredit yang tinggi.

Objektif Kumpulan adalah untuk mencari pertumbuhan pendapatan yang berterusan sementara mengurangkan kerugian yang timbul kerana pendedahan risiko kredit yang bertambah. Kumpulan hanya berniaga dengan pihak ketiga yang diiktiraf dan mempunyai kebolehpercayaan kredit yang baik. Ia adalah polisi Kumpulan bahawa semua pelanggan yang ingin berniaga dengan syarat kredit adalah tertakluk kepada prosedur pengesahan kredit. Di samping itu, baki hutang akan dipantau secara berterusan dengan keputusan bahawa pendedahan Kumpulan kepada hutang lapuk adalah tidak ketara.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kredit yang maksima diwakili oleh:

- Nilai dibawa setiap kelas aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.
- Jumlah sebanyak RM34,392,000 (2012: RM57,252,000) yang berkaitan dengan jaminan korporat yang diberi oleh Syarikat kepada bank untuk pinjaman subsidiari-subsidiari.

Profil konsentrasi risiko kredit

Kumpulan menentukan konsentrasi risiko kredit dengan memantau negara dan sektor industri penghutang perdagangan secara berterusan. Profil konsentrasi risiko kredit penghutang perdagangan Kumpulan pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | | |
|----------------------------|----------|-------------------|--------|-------------------|
| | 2013 | | 2012 | |
| | RM'000 | % daripada jumlah | RM'000 | % daripada jumlah |
| Berdasarkan negara: | | | | |
| Malaysia | 31,600 | 100% | 50,262 | 56% |
| Emiriah Arab Bersatu | - | 0% | 40,195 | 44% |
| | 31,600 | 100% | 90,457 | 100% |

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

(a) Risiko kredit (samb.)

Profil konsentrasi risiko kredit (samb.)

| | Kumpulan | | | |
|-------------------------------------|----------|-------------------|--------|-------------------|
| | 2013 | | 2012 | |
| | RM'000 | % daripada jumlah | RM'000 | % daripada jumlah |
| Berdasarkan sektor industri: | | | | |
| Pembangunan hartanah | 26,735 | 85% | 42,480 | 47% |
| Pembinaan | 4,722 | 15% | 44,593 | 49% |
| Minyak dan gas | - | 0% | 2,860 | 3% |
| Teknologi | - | 0% | 298 | 1% |
| Lain-lain | 143 | 0% | 226 | 0% |
| | 31,600 | 100% | 90,457 | 100% |

Pada tarikh laporan, tiada (2012: 5%) penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang Kumpulan adalah hutang daripada pihak berkaitan manakala kira-kira 88% (2012: 51%) daripada penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang Syarikat adalah hutang daripada pihak berkaitan.

Aset kewangan yang belum lampau tempoh dan tidak dirosotnilai

Maklumat tentang penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang yang belum lampau tempoh dan tidak dirosotnilai dinyatakan di Nota 21.

Aset kewangan yang telah lampau tempoh dan telah dirosotnilai

Maklumat tentang aset kewangan yang telah lampau tempoh dan telah dirosotnilai dinyatakan di Nota 21.

(b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan atau Syarikat akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada perbezaan dalam kematangan aset dan liabiliti kewangan. Objektif Kumpulan dan Syarikat adalah untuk mengekalkan keseimbangan di antara kesinambungan pembiayaan dan fleksibiliti melalui penggunaan kemudahan kredit tunggu sedia.

Pada tarikh laporan, kira-kira 35% (2012: 81%) daripada pinjaman Kumpulan akan matang dalam tempoh kurang daripada satu tahun berdasarkan nilai dibawa yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

(b) Risiko kecairan (samb.)

Analisis instrumen kewangan berdasarkan kematangan kontraktual

Jadual berikut menyatakan profil kematangan liabiliti Kumpulan dan Syarikat pada tarikh laporan berdasarkan pembayaran balik kewajipan kontraktual yang tidak didiskaunkan.

| | Atas permintaan atau dalam satu tahun RM'000 | Satu hingga lima tahun RM'000 | Lebih daripada lima tahun RM'000 | Jumlah RM'000 |
|--|--|-------------------------------------|---|------------------|
| Kumpulan | | | | |
| Pada 31 Disember 2013 | | | | |
| Aset kewangan: | | | | |
| Sekuriti pelaburan | 84,533 | - | - | 84,533 |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang | 46,746 | 2,924 | - | 49,670 |
| Wang tunai dan baki di bank | 140,954 | - | - | 140,954 |
| Jumlah aset yang tidak didiskaunkan | 272,233 | 2,924 | - | 275,157 |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang | 252,115 | 4,644 | - | 256,759 |
| Pinjaman | 37,567 | 97,894 | - | 135,461 |
| Jumlah liabiliti yang tidak didiskaunkan | 289,682 | 102,538 | - | 392,220 |
| Pada 31 Disember 2012 | | | | |
| Aset kewangan: | | | | |
| Sekuriti pelaburan | 16,278 | - | - | 16,278 |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang | 113,966 | 3,053 | - | 117,019 |
| Wang tunai dan baki di bank | 105,515 | - | - | 105,515 |
| Jumlah aset yang tidak didiskaunkan | 235,759 | 3,053 | - | 238,812 |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang | 258,831 | 5,016 | - | 263,847 |
| Pinjaman | 69,962 | 16,829 | - | 86,791 |
| Jumlah liabiliti yang tidak didiskaunkan | 328,793 | 21,845 | - | 350,638 |

Nota-Nota

Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

(b) Risiko kecairan (samb.)

Analisis instrumen kewangan berdasarkan kematangan kontraktual (samb.)

| | Atas permintaan atau dalam satu tahun RM'000 | Satu hingga lima tahun RM'000 | Lebih daripada lima tahun RM'000 | Jumlah RM'000 |
|--|--|-------------------------------------|---|------------------|
| Syarikat | | | | |
| Pada 31 Disember 2013 | | | | |
| Aset kewangan: | | | | |
| Sekuriti pelaburan | 51,655 | - | - | 51,655 |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang | 99,761 | - | - | 99,761 |
| Wang tunai dan baki di bank | 16,473 | - | - | 16,473 |
| Jumlah aset yang tidak didiskaunkan | 167,889 | - | - | 167,889 |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang, tidak termasuk jaminan kewangan* | 240,483 | - | - | 240,483 |
| Pinjaman | 676 | 95,026 | - | 95,702 |
| Jumlah liabiliti yang tidak didiskaunkan | 241,159 | 95,026 | - | 336,185 |
| Pada 31 Disember 2012 | | | | |
| Aset kewangan: | | | | |
| Sekuriti pelaburan | 16,278 | - | - | 16,278 |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang | 24,321 | - | - | 24,321 |
| Wang tunai dan baki di bank | 27,660 | - | - | 27,660 |
| Jumlah aset yang tidak didiskaunkan | 68,259 | - | - | 68,259 |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang, tidak termasuk jaminan kewangan* | 236,005 | - | - | 236,005 |
| Pinjaman | 227 | 427 | - | 654 |
| Jumlah liabiliti yang tidak didiskaunkan | 236,232 | 427 | - | 236,659 |

* Pada tarikh laporan, pihak kepada jaminan kewangan tidak mempunyai hak permintaan ke atas tunai kerana kemungkiran tidak berlaku. Oleh itu, jaminan kewangan di bawah skop FRS 139 tidak termasuk dalam analisis profil kematangan di atas.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

(c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa depan bagi instrumen kewangan Kumpulan akan berubah-ubah kerana perubahan dalam kadar faedah pasaran. Pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman, overdraf bank dan kredit pusingan pada kadar terapung dan sewabeli dan pinjaman berjangka pada kadar tetap. Kumpulan mengurus pendedahan kepada risiko kadar faedah dengan mengekalkan gabungan pinjaman pada kadar tetap dan pinjaman pada kadar terapung.

Analisis kepekaan untuk risiko kadar faedah

Pada tarikh laporan, jika kadar faedah 10 mata asas lebih rendah/tinggi, dengan kesemua pembolehubah yang lain malar, keuntungan selepas cukai Kumpulan akan bertambah/berkurangan sebanyak RM132,000 (2012: RM111,000), yang timbul terutamanya daripada perbelanjaan faedah ke atas pinjaman pada kadar terapung yang kurang/lebih. Andaian pergerakan dalam mata asas untuk analisis kepekaan kadar faedah adalah berdasarkan pada keadaan pasaran yang dapat dilihat sekarang ini.

(d) Risiko matawang asing

Risiko matawang asing adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa depan untuk sesuatu instrumen kewangan akan berubah-ubah kerana perubahan dalam kadar matawang asing.

Kumpulan mempunyai pendedahan kepada urusniaga matawang asing yang timbul daripada jualan, bayaran pendahuluan dan jumlah hutang daripada pemegang saham korporat yang didenominasikan dalam matawang selain daripada matawang fungsian entiti-entiti Kumpulan masing-masing, terutamanya RM dan Dirham Emiriah Arab Bersatu ("AED"). Matawang asing di mana urusniaga tersebut didenominasikan adalah Dolar Amerika Syarikat ("USD"), Rupiah Indonesia ("Rp") dan Dolar Singapura ("SGD").

Kumpulan terdedah kepada risiko pertukaran matawang yang timbul daripada pelaburan bersih dalam operasi asing, di Emiriah Arab Bersatu.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

(d) Risiko matawang asing (samb.)

Analisis kepekaan untuk risiko matawang asing

Jadual berikut menunjukkan kepekaan keuntungan sebelum cukai Kumpulan kepada perubahan yang mungkin dan munasabah dalam pertukaran kadar pertukaran AED, USD, Rp dan SGD terhadap matawang fungsian Kumpulan entiti masing-masing, dengan kesemua pembolehubah yang lain malar.

| | Kumpulan | |
|------------------|--------------------------------|------------------------------|
| | 2013 | 2012 |
| | Keuntungan sebelum cukai | Kerugian sebelum cukai |
| | RM'000 | RM'000 |
| AED/RM | | |
| - bertambah 5% | -2,016 | +2,308 |
| - berkurangan 5% | +2,016 | -2,308 |
| USD/RM | | |
| - bertambah 5% | -65 | +61 |
| - berkurangan 5% | +65 | -61 |
| Rp/RM | | |
| - bertambah 5% | -5 | +6 |
| - berkurangan 5% | +5 | -6 |
| SGD/RM | | |
| - bertambah 5% | - | +9 |
| - berkurangan 5% | - | -9 |

39. PENGURUSAN MODAL

Objektif utama pengurusan modal Kumpulan adalah untuk memastikan ia mengekalkan pengedaran kredit yang kukuh dan nisbah modal yang baik untuk menampung perniagaan dan memaksimumkan nilai pemegang saham.

Kumpulan mengurus struktur modal dan membuat penyesuaian kepadanya, berdasarkan perubahan dalam keadaan ekonomi. Kumpulan mungkin menyeleraskan bayaran dividen kepada pemegang saham, pulangan modal kepada pemegang saham atau menerbitkan saham baru untuk mengekalkan atau menyesuaikan struktur modal. Tiada perubahan dibuat kepada objektif, polisi atau proses dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2012.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

39. PENGURUSAN MODAL (samb.)

Kumpulan mengawasi modal dengan menggunakan nisbah penggearan, iaitu jumlah pinjaman dibahagikan dengan jumlah ekuiti.

| | Kumpulan | |
|------------------------------------|----------|---------|
| | 2013 | 2012 |
| Jumlah pinjaman (RM'000) (Nota 26) | 104,982 | 84,134 |
| Jumlah ekuiti (RM'000) | 517,619 | 436,485 |
| Nisbah penggearan (%) | 20 | 19 |

40. PERISTIWA-PERISTIWA PENTING DAN SUSULAN

- (a) Pada 6 Februari 2008, Kumpulan, melalui Ladang SPK Sdn. Bhd. ("LSPK") telah menandatangani Perjanjian Penyelesaian dengan MCK Development Sdn. Bhd. ("MCK") untuk memindahkan tanah seluas kira-kira 6.2827 hektar yang dipegang di bawah Geran No. 88701 Lot 4460 dan Geran No. 98995 Lot 3028 di Jalan Yahya Awal, bandar dan daerah Johor Bahru dengan balasan berjumlah RM38,600,000. Balasan ini akan dibayar secara tunai sebanyak RM30,000,000 ("balasan peringkat pertama") dan bakinya berjumlah RM8,600,000 dengan unit-unit kediaman/perdagangan ("balasan peringkat kedua") dalam pembangunan yang dicadangkan untuk tanah tersebut oleh MCK kepada LSPK. MCK, melalui sebuah syarikat yang berkaitan dengannya Masbe Sdn. Bhd. ("Masbe"), telah mendapatkan pinjaman kewangan daripada Malayan Banking Berhad ("Maybank") untuk menyelesaikan balasan peringkat pertama. Maybank telah menyerahkan sesalinan Surat Akujanji kepada LSPK namun telah gagal untuk menyempurnakan Surat Akujanji tersebut. Pada tahun 2008, LSPK telah memfailkan satu tuntutan sivil di Mahkamah Tinggi ke atas Maybank bagi kemungkiran Surat Akujanji tersebut dan Maybank telah membawa Masbe masuk ke dalam prosiding tersebut sebagai pihak ketiga ("Writ Pertama LSPK"). Pada tahun 2009, MCK telah mengambil tindakan guaman terhadap LSPK untuk menuntut ganti rugi kerana tidak menyempurnakan perjanjian tersebut ("Writ MCK"). Pada tahun 2010, Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan MCK untuk membatalkan pembelaan LSPK dan memasukkan penghakiman ingkar. Pada 1 November 2011, Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan MCK untuk penghakiman terus dengan kos. Mahkamah Tinggi telah mengarah pihak-pihak terlibat meneruskan perbincangan.

MCK kemudiannya memasukkan permohonan untuk mendapatkan perintah injunksi ke atas tanah tersebut bagi menghalang sebarang transaksi berkaitan hartanah tersebut. Pada perbincangan untuk permohonan injunksi MCK, pihak-pihak telah bersetuju untuk tidak melakukan sebarang transaksi ke atas tanah tersebut sehingga diputuskan semasa perbincangan. Selanjutnya, pada 18 Mei 2012, MCK telah mencadangkan dan LSPK telah bersetuju untuk mengusulkan kes ke Pusat Mediasi bagi mencari satu kemungkinan untuk penyelesaian secara damai. Namun, setelah beberapa sesi mediasi kesemua writ-writ telah dihantar kembali ke Mahkamah Tinggi masing-masing, kerana pihak-pihak tidak dapat mencapai sebarang persetujuan untuk penyelesaian. Dalam masa yang sama, LSPK telah mengambil tindakan berasingan dan memfail guaman baru terhadap MCK bagi kemungkiran balasan peringkat kedua Perjanjian Penyelesaian tersebut oleh MCK ("Writ Kedua LSPK"). Berikutnya MCK dan Masbe telah mengambil tindakan guaman baru masing-masing terhadap LSPK berdasarkan pertikaian ke atas tanah tersebut. Namun kedua-dua saman baru yang difailkan oleh MCK dan Masbe ke atas LSPK telah dibatalkan setelah permohonan membatalkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan bagi kedua-dua kes baru yang difailkan oleh LSPK dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi.

Pada tahun 2013, satu guaman sivil dari Mahkamah Tinggi yang telah difailkan oleh sebuah syarikat Gromutual Berhad ke atas LSPK ("Writ Gromutual") telah digabungkan melalui perintah mahkamah, dengan Writ MCK ("Perintah Penggabungan").

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

40. PERISTIWA-PERISTIWA PENTING DAN SUSULAN (samb.)

(a) (samb.)

Seterusnya, LSPK telah membuat permohonan untuk mendengar Writ Pertama LSPK dengan Writ MCK akan tetapi Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan itu. LSPK seterusnya telah merayu ke Mahkamah Rayuan dan rayuan itu telah diterima kerana kedua-dua saman bermula dari kausa yang sama iaitu Perjanjian Penyelesaian.

MCK selanjutnya telah memfailkan satu permohonan untuk mengeneipkan Perintah Penggabungan dari Mahkamah Tinggi namun permohonan tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi. MCK telah merayu ke Mahkamah Rayuan namun rayuan mereka juga telah ditolak oleh yang demikian Perintah Penggabungan kekal.

Di dalam satu permohonan yang berasingan, LSPK telah memfailkan satu permohonan untuk memindahkan prosiding dan mendengar bersama Writ Pertama LSPK dengan Writ Kedua LSPK secara serentak. Permohonan LSPK telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi oleh yang demikian Writ Pertama LSPK bersama dengan Writ MCK dan Writ Gromutual telah dipindahkan dan didengar bersama Writ Kedua LSPK di Mahkamah Tinggi. LSPK selaku defendan di dalam Writ Gromutual telah memfailkan satu permohonan untuk membatalkan Writ Gromutual namun sehingga kini Mahkamah Tinggi masih belum menetapkan tarikh pendengaran permohonan itu. Selain itu Mahkamah Tinggi belum menetapkan sebarang tarikh untuk perbicaraan bagi kes-kes di atas setakat ini. Pihak-pihak juga masih cuba untuk berbincang bagi mencapai satu penyelesaian sepakat namun penyelesaian ini tertakluk kepada prosiding kes-kes yang masih berlangsung di Mahkamah Tinggi.

(b) Pada 22 November 2012, Syarikat telah mengeluarkan surat untuk meminta SPK-Sentosa Corporation Berhad ("SPK-Sentosa") mempertimbangkan cadangan pengunduran sukarela daripada disenarai dan disebut harga di Senarai Rasmi Pasaran Utama Bursa Sekuriti menurut Perenggan 16.06 Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Sekuriti ("Cadangan Pengunduran").

Sebagai sebahagian daripada memenuhi keperluan-keperluan Cadangan Pengunduran, Syarikat telah melaksanakan tawaran umum sukarela untuk mengambil alih kesemua 46,160,273 saham biasa yang tinggal, mewakili kira-kira 34.46% saham modal yang diterbitkan dan dibayar SPK-Sentosa yang tidak dipegang oleh Syarikat dan subsidiarinya yang dimiliki dengan penuh, SPK Securities Sdn. Bhd., pada harga tawaran tunai sebanyak RM0.35 sesaham ("Tawaran Keluar").

Pada 26 Mac 2013, perniagaan dalam saham SPK-Sentosa telah digantung apabila 90% atau lebih daripada saham yang disenaraikan (tidak termasuk saham perbendaharaan) dipegang oleh satu pemegang saham sama ada secara satu-satu atau bersama dengan rakan sekutu pemegang saham tersebut menurut Perenggan 9.19(48) Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Sekuriti. Kemudiannya, pada 19 April 2013, SPK-Sentosa tidak lagi disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad.

(c) Pada 27 Disember 2012, Kumpulan, melalui Dataran SPK Sdn. Bhd., telah menandatangani perjanjian dengan pihak ketiga untuk membeli tanah yang dipegang di bawah Geran No. 22938 Lot No. 243 di Daerah Timur Laut, Mukim 13, Negeri Pulau Pinang seluas 14.487 ekar dengan balasan berjumlah RM80,000,000. Perjanjian ini telah disempurnakan pada tahun kewangan semasa.

(d) Pada 25 Januari 2013, Kumpulan, melalui Budaya Positif Sdn. Bhd. ("BPSB"), telah menandatangani Perjanjian Konsesi dengan Kerajaan Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis ("UNIMAP") untuk mereka bentuk, membangun dan menyelenggara Blok Bangunan Kediaman Pelajar bagi UNIMAP di Padang Silang, Perlis Indera Kayangan melalui Kerjasama Awam Swasta ("Projek"). BPSB bertanggungjawab terhadap kewangan, reka bentuk, pembangunan, pembinaan dan penyelenggaraan Projek tersebut. Tempoh pembinaan Projek adalah 2.5 tahun dan, selepas itu, diikuti oleh penyelenggaraan Projek selama tempoh 20 tahun. Projek tersebut adalah tertakluk kepada BPSB mendapatkan pembiayaan bagi Projek.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2013
(samb.)

40. PERISTIWA-PERISTIWA PENTING DAN SUSULAN (samb.)

- (e) Pada 11 Jun 2013, Syarikat telah menandatangani perjanjian dengan SPK-Sentosa Corporation Berhad ("SPK-Sentosa"), subsidiari Syarikat, untuk yang berikutnya:
- pengambilalihan 2,000,001 saham biasa dengan nilai tara RM1 setiap satu dalam Nadaprise Sdn. Bhd. ("Nadaprise") (termasuk 95,914,731 saham biasa baru yang dibayar dengan penuh dengan nilai tara RM1 setiap satu dalam Nadaprise yang diterbitkan akibat daripada permodalan hutang antara syarikat yang terhutang oleh Nadaprise kepada SPK-Sentosa), mewakili kesemua modal saham yang diterbitkan dan dibayar dengan penuh Nadaprise, daripada SPK-Sentosa untuk balasan tunai berjumlah RM35 juta;
 - pengambilalihan 350,000 saham biasa dengan nilai tara RM1 setiap satu dalam SPK Era Sdn. Bhd. ("SPK Era"), mewakili kesemua modal saham yang diterbitkan dan dibayar dengan penuh SPK Era, daripada SPK-Sentosa untuk balasan tunai berjumlah RM1; dan
 - pengambilalihan 560,000 saham biasa dengan nilai tara RM1 setiap satu dalam Superior Energy Services (KL) Sdn. Bhd. ("SESKL") dan 420,000 saham keutamaan dengan nilai tara RM1 setiap satu dalam SESKL, mewakili dalam agregat 49% modal saham yang diterbitkan dan dibayar dengan penuh SESKL, daripada SPK-Sentosa untuk balasan tunai berjumlah RM600,000.

Pengambilalihan tersebut telah disempurnakan pada tahun kewangan semasa.

- (f) Pada 17 Februari 2014, dalam melaksanakan keputusan mahkamah berkenaan dengan kes-kes guaman yang dimulakan oleh pemiutang cawangan dan usaha sama subsidiari, Pembinaan SPK Sdn. Bhd. ("PSPK") di Abu Dhabi, wakil mahkamah daripada Jabatan Perkhidmatan Kehakiman, Abu Dhabi telah melawat premis pejabat PSPK di Abu Dhabi dan kemudiannya telah mengeluarkan perintah mahkamah untuk menahan kesemua aset dan dokumen yang terdapat dalam premis pejabat dan tidak membenarkan akses kepada premis pejabat.
- (g) Pada 21 Februari 2014, Kumpulan melalui Pembinaan SPK Sdn. Bhd. ("PSPK") telah menandatangani perjanjian usaha sama dengan Pesona Metro Sdn. Bhd. ("Pesona") untuk menubuh usaha sama yang tidak diperbadankan yang dikenali sebagai Pesona Metro Sdn. Bhd.-Pembinaan SPK Sdn. Bhd. JV ("Pesona-PSPK JV") bagi tujuan menerima bersama kontrak untuk melaksanakan pembinaan dan kerja-kerja berkaitan yang lain untuk Projek UNIMAP yang dinyatakan di Nota 40(d). Penyertaan pihak-pihak dalam Pesona-PSPK JV adalah seperti berikut:
- | | | |
|--------|---|-----|
| PSPK | : | 5% |
| Pesona | : | 95% |
- (h) Pada 5 Mac 2014, Kumpulan melalui SPK-Sentosa Corporation Berhad telah mengambilalih 2 unit saham biasa dengan nilai tara RM1 setiap satu, mewakili 100% kepentingan ekuiti dalam Semarak Korporat Sdn. Bhd. untuk balasan tunai berjumlah RM2,800.

41. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TERBITAN

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 24 April 2014.

Senarai Hartanah Kumpulan

pada 31 Disember 2013

| Tempat | Keterangan Mengenai Geran | Jangkamasa Hayat | Keluasan | Kegunaan Hartanah | Nilai Dibawa (RM'000) |
|--|---|--|-------------------------|-------------------------|-----------------------|
| Bandar Menjalara, Kepong, Kuala Lumpur | H.S.(D) 51604 P.T. 44668 Mukim Batu Wilayah Persekutuan | Tempoh pegangan pajakan berakhir pada tahun 2077 | 36,010 kaki persegi | Stesyen minyak | 7,100 |
| Bukit Cahaya, Seksyen 9, Shah Alam | Pajakan Negeri 7336 Lot 8111 Mukim Bukit Raja Daerah Petaling | Tempoh pegangan pajakan berakhir pada tahun 2092 | 250.55 ekar | Tanah untuk pembangunan | 131,934 |
| Bandar Menjalara, Kepong, Kuala Lumpur | H.S.(D) 51602 P.T. 44666 Mukim Batu Wilayah Persekutuan | Tempoh pegangan pajakan berakhir pada tahun 2077 | 24,673 kaki persegi | Stesyen minyak | 4,900 |
| Bandar Ulu Kelang, Selangor | Geran 112559 Lot 1019 Seksyen 2 Daerah Gombak | - | 77,726 kaki persegi | Tanah untuk pembangunan | 8,490 |
| Mukim 13, Pulau Pinang | Geran 22938 Lot 243 Daerah Timur Laut | Pegangan kekal | 631,053.63 kaki persegi | Tanah untuk pembangunan | 83,144 |
| Bandar Amanjaya, Sungai Petani, Kedah | H.S.(D) 321/94 P.T. 23602 Mukim Sungai Petani Daerah Kuala Muda Kedah | Pegangan kekal | 2,179 kaki persegi | Bangunan Pejabat | 361 |

Senarai Hartanah Kumpulan

pada 31 Disember 2013
(samb.)

| Tempat | Keterangan Mengenai Geran | Jangkamasa Hayat | Keluasan | Kegunaan Hartanah | Nilai Dibawa (RM'000) |
|---|---|------------------|-------------|-------------------------|-----------------------|
| Bandar Amanjaya, Sungai Petani, Kedah | H.S.(D) 12927/96 P.T. 48860 H.S.(D) 12933/96 P.T. 48866 H.S.(D) 12937/96 P.T. 48870 H.S.(D) 12951/96 P.T. 48884 (sebahagian) (baki tanah kepunyaan kumpulan adalah 4.15 ekar) H.S.(D) 12952/96 P.T. 48885 (sebahagian) (baki tanah kepunyaan kumpulan adalah 41.62 ekar) H.S.(D) 126049 P.T.2420 (Dulu dikenali sebagai lot P.T. 48889) H.S.(D) 127838 lot 65142 (Dulu dikenali sebagai lot P.T. 48890) H.S.(D) 127839 Lot 65144 (Dulu dikenali sebagai lot P.T. 48891) H.S.(D) 12969/96 P.T. 48902 H.S.(D) 126044 P.T. 2417 (Dulu dikenali sebagai lot P.T. 65002) H.S.(D) 12932 P.T. 65004 H.S.(D) 19262 P.T. 71851 H.S.(D) 127831 Lot 65145 (Dulu dikenali sebagai lot P.T. 92958) H.S.(D) 111144 P.T. 92962 | Pegangan kekal | 640.73 ekar | Tanah untuk pembangunan | 39,196 |

Notis

Mesyuarat Agung Tahunan

DENGAN INI DIBERITAHU bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad (“Syarikat”) yang ke Lima Puluh Tiga (53) akan diadakan di Royal Selangor Golf Club, Jalan Kelab Golf, Off Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 26 Jun 2014, jam 11.00 pagi bagi tujuan-tujuan berikut:-

1. Menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 bersama dengan Laporan-laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya. **Resolusi 1**
2. Perlantikan Y.Bhg. Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B) yang bersara menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965, dilantik semula sebagai seorang Pengarah untuk memegang jawatan sebagai seorang Pengarah Syarikat untuk satu jangka masa yang berakhir sebaik sahaja tamat Mesyuarat Agung Tahunan tahun hadapan. **Resolusi 2**
3. Perlantikan Hasnah Binti Mohd Salleh yang bersara menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965, dilantik semula sebagai seorang Pengarah untuk memegang jawatan sebagai seorang Pengarah Syarikat untuk satu jangka masa yang berakhir sebaik sahaja tamat Mesyuarat Agung Tahunan tahun hadapan. **Resolusi 3**
4. Perlantikan Ahmad @ Mison Bin Yusof yang bersara menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965, dilantik semula sebagai seorang Pengarah untuk memegang jawatan sebagai seorang Pengarah Syarikat untuk satu jangka masa yang berakhir sebaik sahaja tamat Mesyuarat Agung Tahunan tahun hadapan. **Resolusi 4**
5. Perlantikan semula Lt. Gen. Datuk Hj. Md Hanif Bin Hj. Darimi RMAF (R) yang bersara sebagai Pengarah menurut Artikel 105 Tataurusan Syarikat. **Resolusi 5**
6. Perlantikan semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit dan memberi kuasa kepada para Pengarah menetapkan ganjaran mereka. **Resolusi 6**
7. Meluluskan yuran para Pengarah. **Resolusi 7**
8. Mengisytiharkan dividen tahap tunggal yang pertama dan terakhir sebanyak 4 sen sesaham bagi saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. **Resolusi 8**
9. Meluluskan Resolusi Biasa yakni menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk menerbitkan saham-saham dalam Syarikat pada bila-bila masa sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan dengan terma-terma dan syarat-syarat serta untuk tujuan-tujuan sedemikian yang Pengarah-pengarah mungkin, pada budi bicara mutlak mereka, beranggapan sesuai dengan syarat bahawa jumlah agregat saham yang akan diterbitkan tidak melebihi 10 peratus (10%) daripada modal saham terbitan Syarikat buat masa ini, tertakluk sentiasa kepada kelulusan daripada semua pihak berkuasa yang berkaitan diperolehi untuk terbitan dan peruntukan sedemikian. **Resolusi 9**
10. Cadangan membaharui mandat umum seperti yang telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan lepas iaitu pada 27 Jun 2013. **Resolusi 10**

“Tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965 dan Memorandum dan Tataurusan Syarikat, kelulusan dan kuasa diberi kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikat untuk memasuki atau melaksanakan urusan atau urusniaga yang melibatkan kepentingan Pengarah, pemegang saham utama atau orang-orang yang berhubungkait dengan para Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat dan/atau anak-anak syarikat (selepas ini dikenali sebagai “Pihak Berhubungkait”)

Notis

Mesyuarat Agung Tahunan

(samb.)

DENGAN SYARAT urusan atau urusniaga tersebut:

- i. berulang-ulang dan berbentuk pendapatan atau dagangan;
- ii. diperlukan untuk operasi harian; dan
- iii. dijalankan sebagai urusniaga biasa atas terma-terma yang sama tara dan/atau tidak memberi manfaat atau faedah lebih kepada Pihak Berhubungkait dibanding dengan pihak lain dan tidak memudaratkan pemegang saham minoriti.

Dan resolusi di atas berkuatkuasa untuk satu jangka masa yang berakhir sebaik sahaja tamat Mesyuarat Agung Tahunan tahun hadapan atau sebaik sahaja ditarik balik oleh pemegang saham melalui satu Mesyuarat pemegang saham, yang mana terdahulu.”

11. Menjalankan sebarang urusan biasa Syarikat yang lain di mana notis yang sewajarnya telah diberikan.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

Fateh Hanum Bte Khairuddin (LS0009093)
Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
4 Jun 2014

Nota-nota:

1. *Seseorang ahli Syarikat yang berhak menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat ini berhak melantik seorang proksi yang semestinya ahli Syarikat kecuali sebuah perbadanan yang menjadi ahli Syarikat bolehlah melantik sebagai proksinya mana-mana Pegawai Syarikat itu walaupun ianya ahli Syarikat atau tidak.*
2. *Instrumen perlantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis di bawah tandatangan orang yang melantik atau di bawah tandatangan wakil yang dilantik atau ahli Syarikat adalah sebuah perbadanan samada di bawah meterai rasmi atau di bawah tandatangan seorang pegawai atau wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil.*
3. *Instrumen perlantikan proksi mestilah diserahkan ke pejabat berdaftar Syarikat di Tingkat 12, Menara Perak, No. 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur tidak lewat dari 48 jam iaitu pada atau sebelum 24 Jun 2014, jam 11.00 pagi sebelum waktu mesyuarat yang ditetapkan atau ditangguhkan.*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



| |
|-----------------------|
| Bilangan Saham |
| |

BORANG PROKSI

Saya/Kami,.....beralamat
sebagai ahli Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad dengan
 ini melantik beralamat.....
 atau jika beliau tidak dapat hadir.....
beralamat.....
atau jika beliau tidak dapat hadir Pengerusi Mesyuarat sebagai
 proksi saya/kami untuk mengundi bagi pihak saya/kami pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan diadakan di Royal
 Selangor Golf Club, Jalan Kelab Golf, Off Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 26 Jun 2014 jam 11.00
 pagi dan mana-mana penangguhannya. Proksi saya/kami akan mengundi seperti ditunjukkan di bawah:

| NO. | RESOLUSI | BERSETUJU | MENENTANG |
|-----|---|-----------|-----------|
| 1. | Menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 bersama dengan Laporan-laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya. (Resolusi 1) | | |
| 2. | Perlantikan Y.Bhg. Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B) yang bersara menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965, dilantik semula sebagai seorang Pengarah untuk memegang jawatan sebagai seorang Pengarah Syarikat untuk satu jangka masa yang berakhir sebaik sahaja tamat Mesyuarat Agung Tahunan tahun hadapan. (Resolusi 2) | | |
| 3. | Perlantikan Hasnah Binti Mohd Salleh yang bersara menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965, dilantik semula sebagai seorang Pengarah untuk memegang jawatan sebagai seorang Pengarah Syarikat untuk satu jangka masa yang berakhir sebaik sahaja tamat Mesyuarat Agung Tahunan tahun hadapan. (Resolusi 3) | | |
| 4. | Perlantikan Ahmad @ Misron Bin Yusof yang bersara menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965, dilantik semula sebagai seorang Pengarah untuk memegang jawatan sebagai seorang Pengarah Syarikat untuk satu jangka masa yang berakhir sebaik sahaja tamat Mesyuarat Agung Tahunan tahun hadapan. (Resolusi 4) | | |
| 5. | Perlantikan semula Lt. Gen. Datuk Hj. Md Hanif Bin Hj. Darimi RMAF (R) yang bersara sebagai Pengarah menurut Artikel 105 Tataurusan Syarikat. (Resolusi 5) | | |
| 6. | Perlantikan semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit dan memberi kuasa kepada para Pengarah menetapkan ganjaran mereka. (Resolusi 6) | | |
| 7. | Meluluskan yuran para Pengarah. (Resolusi 7) | | |
| 8. | Mengisytiharkan dividen tahap tunggal yang pertama dan terakhir sebanyak 4 sen sesaham bagi saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. (Resolusi 8) | | |
| 9. | Memberi kuasa di bawah Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 bagi para Pengarah menerbitkan saham. (Resolusi 9) | | |
| 10. | Meluluskan pembaharuan mandat umum untuk menjalankan urusan atau urusanniaga yang berulang-ulang dengan Pihak Berhubungkait. (Resolusi 10) | | |

Sila tunjukkan dengan menandakan "X" di ruang yang disediakan di sebelah tiap-tiap resolusi bagaimana tuan/puan ingin mengundi. Jika tiada apa-apa arahan yang diberikan, borang ini dianggap telah memberi kuasa proksi untuk mengundi mengikut pertimbangannya.

Saya/Kami perturunkan tandatangan saya/kami pada haribulan tahun 2014.

.....
Tandatangan Saya/Kami

.....
Tandatangan Saksi

Disaksikan oleh :
No. Kad Pengenalan :

Nota -Nota:

- Seseorang ahli Syarikat yang berhak menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat ini berhak melantik seorang proksi yang semestinya ahli Syarikat kecuali sebuah perbadanan yang menjadi ahli Syarikat bolehlah melantik sebagai proksinya mana-mana Pegawai Syarikat itu walaupun ianya ahli Syarikat atau tidak.
- Instrumen perlantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis di bawah tandatangan orang yang melantik atau di bawah tandatangan wakil yang dilantik atau ahli Syarikat adalah sebuah perbadanan samada di bawah meterai rasmi atau di bawah tandatangan seorang pegawai atau wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil.
- Instrumen perlantikan proksi mestilah diserahkan ke pejabat berdaftar Syarikat di Tingkat 12, Menara Perak, No. 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur tidak lewat dari 48 jam iaitu pada atau sebelum 24 Jun 2014, jam 11.00 pagi sebelum waktu mesyuarat yang ditetapkan atau ditangguhkan.


KEMUDIAN LIPAT SINI

LEKAT
SETEM
DISINI

SETIAUSAHA SYARIKAT
SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD (4115-H)

TINGKAT 12, MENARA PERAK
NO. 24, JALAN PERAK
50450 KUALA LUMPUR

LIPAT DISINI DAHULU



SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD (4115-H)

Tingkat 12, Menara Perak, 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603 2264 5555 Faks: +603 2264 5545